

## **Sosialisasi Kanak-Kanak di Rumah Kebajikan Faith**

“...Value kebajikan ilmiah saya adalah “Sosialisasi Kanak-Kanak di Rumah Kebajikan Faith”. Pekerjaan tajuk ini mencangkung bidang yang masih jauh sekali, walaupun saya buat sebagian kepada ahli-bah. Setiap bah ini, menggunakan sumpahai Islam dan Kristian, tetapi adalah dalam kaitan. Tujuan utama saya membuat tajuk ini dapat memberi makna serta mendalam tentang kehidupan kanak-kanak di rumah kebajikan dan mungkin bagaimana proses sosialisasi dijalankan.

Dalam bah pertama, kita melihat kepada makna penyelidikan dan moralah penyelidikan sebuah tajuk ini juga menanggung Bagi Memenuhi Sebahagian bagaimana penyelidikan tersebut berhubungan dengan caca Daripada Syarat-Syarat Untuk yang tersendiri.

### **Ijazah Sarjana Muda Sastera**

Seterusnya, bah ketika-sila mendalam apa yang dianjurkan sebagai kualiti dan bagaimana proses sosialisasi dijalankan secara menyeluruh. Selain itu bagaimana menanggung bagaimana agensi dan agensi berbeza dan kerjanya.

Seterusnya, adalah merupakan bah mengenai kesemu hal tentang tajuk ini. Ia adalah Jabatan Antropologi dan Sosiologi Faith dengan lebih mendalam. Selain itu jawab per Universiti Malaya kali apakah aktiviti dan objektif yang dijalankan, dan Kuala Lumpur mengenai manusia dan sejarahnya.

Bah ketiga dan bah ketujuh adalah bah analisis secara terperinci. Bah ketiga, merujuk Rumah Faith sebagai institusi. Ia mahu mengetahui tentang siapakah pengalihnya dengan menggunakan beberapa ciri-ciri bukti-buktian lho. Keputusan bah ini merujukkan pengalihnya tertentu kepada kesemu pengalihnya dan militan care-care hidup mereka di dalam

Sinopsis

persekitaran rumahnya. Ia mungkin berlaku dalam bentuk sosialisasi proses-proses sosialisasi yang berlaku di dalam keluarga pergi ke sekolah dan bertemu dengan orang-orang di sekolah, kerjadian. Ia juga mungkin berasal

Tajuk latihan ilmiah saya adalah " Sosialisasi Kanak-Kanak di Rumah Kebajikan Faith ". Disebabkan tajuk ini merangkumi bidang yang amat luas sekali, maka saya bahagikan kepada enam bab. Setiap bab ini, masing-masing mempunyai fokus yang tertentu, tetapi adalah saling kait-berkaitan. Tujuan utama saya adalah supaya kita dapat memahami secara lebih mendalam tentang kehidupan kanak-kanak di rumah kebajikan dan melihat bagaimana proses sosialisasi dijalankan.

Dalam bab pertama, kita melihat kepada kaedah penyelidikan dan masalah penyelidikan sebagai fokus utama. Bab ini juga menerangkan bagaimana penyelidik mengatasi masalah-masalah tersebut dengan cara yang tersendiri.

Seterusnya, bab kedua pula mendalami apa yang disebutkan sebagai sosialisasi dan bagaimana proses sosialisasi dijalankan secara amnya. Ia juga tidak ketinggalan menerangkan bagaimana agensi dan agen sosialisasi itu berfungsi.

Bab ketiga adalah merupakan bab mengenai kesemua hal tentang tempat kajian iaitu Rumah Faith. Kita melihat Rumah Faith dengan lebih dekat, meliputi sejarah pembentukannya, mengenali apakah aktiviti dan objektif yang dijalankan, masalah serta rancangan-rancangan masa depannya.

Bab keempat dan bab kelima adalah bab analisa secara terperinci. Bab keempat, mendekati Rumah Faith sebagai sebuah institusi. Ia cuba memahami tentang siapakah penghuninya dengan mengemukakan beberapa contoh kajian-kajian kes. Kemudian bab ini memberikan pengelasan tertentu kepada kesemua penghuninya dan melihat cara-cara hidup mereka di dalam

persekitaran tersebut. Bab kelima pula lebih bertumpu kepada proses-proses sosialisasi yang berlaku di dalam keluarga penghuni sehingga ke kehidupan mereka di institusi kebajikan. Ia juga melihat tahap perkembangan individu dari segi umur yang berlainan dan fokus utama adalah kepada cara sosialisasi yang berlaku di institusi kebajikan.

Bahagian terakhir iaitu bab keenam, saya menarik perhatian pembaca kepada mengenali agen dan agensi yang terlibat dalam keseluruhan proses sosialisasi seorang penghuni di rumah kebajikan serta bagaimana cara sosialisasi yang terbaik agar melahirkan ahli yang berfungsi dalam masyarakat.

Dalam menyusun latihan ilmiah ini, saya juga bantuan yang telah banyak memberikan konjuru untuk penyelidikan saya di Rumah Faith. Begitu juga kepada semua ahli staf dan penghuni di Rumah Faith, konjuru daripada mereka tidak akan dilepaskan.

Akhir sekali, kepada maklumat saya yang telah bersebar dan banyak memberi sokongan kepada saya untuk menyusun latihan ilmiah ini. Kepada mereka semua, saya mengucap syabas dan terimakasih.

Sekadar janji,  
Jalilah Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaysia  
Sarawak

### Penghargaan

Latihan ilmiah ini tidak akan wujud dalam bentuknya yang ada sekarang tanpa kerjasama daripada pihak pengurusan Rumah Faith dan tunjukajar daripada penyelia saya. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan berbanyak-banyak terimakasih terutamanya kepada Pastor Jacop David yang telah sudi membenarkan saya menjalankan kajian di tempatnya dan tidak lupa juga kepada penyelia saya Dr. Raymond Lee yang telah banyak membantu dalam menyemak latihan ilmiah ini sehingga ke dalam bentuknya sekarang. Kepada Sister Rajeswari dan juga Pastor Theseegan yang telah banyak memberikan kerjasama semasa penyelidikan saya di Rumah Faith. Begitu juga kepada semua kakitangan dan penghuni di Rumah Faith, kerjasama daripada mereka tidak akan dilupakan.

Akhir sekali kepada keluarga saya yang telah bersabar dan banyak memberi sokongan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Kepada mereka semua saya ucapkan syabas dan terimakasih.

Low Soo Jin

Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Isi Kandungan

	<u>Mukasurat</u>
<b>Sinopsis</b>	i
Penghargaan	iii
<b>Isi Kandungan</b>	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	viii
<b>1.0 Pengenalan</b>	1
1.1 Latar belakang tempat kajian	2
1.2 Tujuan dan objektif kajian	2
1.3 Kaedah penyelidikan	3
1.4 Masalah penyelidikan	4
<b>2.0 Definasi sosialisasi</b>	10
2.1 Proses-proses sosialisasi	13
2.2 Matlamat sosialisasi	22
2.3 Agensi dan agen sosialisasi	23
2.4 Kajian sosialisasi	24
<b>3.0 Tempat kajian : Rumah Faith</b>	26
3.1 Sejarah Rumah Faith	26
3.2 Objektif Rumah Faith	28
3.3 Struktur organisasi	29
3.4 Aktiviti-aktiviti yang dijalankan	30

Isi Kandungan

Mukasurat

<b>3.5</b>	Aktiviti kanak-kanak di Rumah Faith	32
<b>3.6</b>	Kewangan Rumah Faith	34
<b>3.7</b>	Masalah-masalah yang dihadapi oleh Rumah Faith	36
<b>3.8</b>	Rancangan-rancangan masa depan	37
<b>4.0</b>	Penganalisaan Rumah Faith sebagai sebuah institusi	40
<b>4.1</b>	Penganalisaan penghuni di Rumah Faith	42
<b>4.2</b>	Pengelasan penghuni mengikut kategori tertentu	43
<b>4.3</b>	Kajian-kajian kes terhadap penghuni di Rumah Faith	45
<b>4.4</b>	Pengelasan mengikut bangsa dan jantina	48
<b>4.5</b>	Penganalisaan persekitaran Rumah Faith	50
<b>4.6</b>	Penjagaan fizikal kanak-kanak	52
<b>4.7</b>	Perhubungan luar	52
<b>5.0</b>	Tahap perkembangan individu dan sosialisasi	56
<b>5.1</b>	Pengaruh daripada sosialisasi keluarga	61
<b>5.2</b>	Lanjutan sosialisasi di Rumah Faith	64
<b>5.3</b>	Cara-cara sosialisasi di Rumah Faith	68
<b>I</b>	Sosialisasi oleh pihak pengurusan Rumah Faith	69
<b>II</b>	Sosialisasi sesama kanak-kanak di Rumah Faith	71

**Isi Kandungan****Mukasurat**

6.0	Kesimpulan proses sosialisasi yang dilalui oleh seorang anak di rumah kebajikan	74
6.1	Keluarga, rumah kebajikan, kawan-kawan, sekolah dan komuniti sebagai agensi sosialisasi utama	76
6.2	Cara sosialisasi yang berjaya	82
 Lampiran		86
 Bibliografi		97
 Bahan Bercetak Kerajaan		99

Senarai JadualMukasurat

Jadual I : Jadual menunjukkan pengelasan penghuni mengikut kategori tertentu	44
Jadual II : Jadual menunjukkan pengelasan penghuni mengikut bangsa dan jantina	49
Jadual III: Jadual menunjukkan pengelasan mengikut umur kanak-kanak	56
Jadual IV : Jadual menunjukkan peringkat-peringkat perkembangan peribadi dari umur kanak-kanak pra-sekolah sehingga umur belia	58

Senarai RajahMukasurat

Rajah I : Histogram menunjukkan pengelasan penghuni  
mengikut kategori tertentu

45

RAB SATU

Rajah II : Carta pai menunjukkan pengelasan penghuni  
mengikut bangsa dan jantina

49

Rajah III : Carta palang menunjukkan pengelasan mengikut  
umur kanak-kanak

57

Rajah IV : Rajah menunjukkan proses sosialisasi yang  
berjaya dilalui oleh seorang penghuni di rumah  
kebajikan

74

## 1.0 Pengenalan

Kajian sosialisasi selama ini kebanyakannya tertumpu kepada individu-individu yang secara umumnya berasal daripada keluarga domestik yang terdiri daripada seorang bapa dan seorang ibu atau keluarga extended yang tinggal bersama datuk atau nenek. Namun begitu, di dalam setiap masyarakat terdapat setengah-setengah ahli masyarakat yang masih memerlukan bantuan daripada yang lain. Akibat malapetaka, penjenayah, penyakit, kemalasan, usia tua dan kekurangan peluang telah menjadikan seseorang itu berada di bawah taraf hidup minima atau kekurangan keperluan-keperluan hidup yang dirasakan penting oleh ahli kumpulan masyarakat yang lain. Oleh itu, akan sentiasa wujud segolongan individu-individu yang dianggap kurang berasib baik, yang memerlukan bantuan kebajikan. Malah terdapat pula sebilangan daripada mereka yang tidak memperolehi bantuan seperti ini dengan secukupnya.

Institusi kebajikan berbeza daripada bidang institusi lain seperti institusi keluarga dan perkahwinan kerana ia tidak berfungsi untuk memuaskan bidang tertentu keperluan manusia. Akan tetapi, perkhidmatannya secara khusus wujud bilamana jentera sosial yang lain runtuh dan gagal untuk berfungsi secara berkesan. Oleh itu, institusi kebajikan seperti rumah anak yatim, rumah orang cacat dan rumah orang-orang tua menawarkan perlindungan kepada orang-orang yang kurang berasib baik ini supaya dapat menolong mereka kembali kepada suatu tingkat penyaraan diri sendiri, mengelakkan kejatuhan di bawah taraf hidup yang rendah dan di samping cuba memperbaiki serta mengukuhkan jentera sosial yang runtuh.

Satu daripada matlamat institusi kebajikan adalah melatih individu-individu supaya bersedia bagi institusi-institusi lain dalam kehidupan akan datang. Oleh itu, akan berlaku suatu proses sosialisasi antara individu-individu yang tinggal di institusi-institusi kebajikan dalam

membentuk keperluan masing-masing. Proses sosialisasi akan meliputi keseluruhan proses di mana seorang individu memperkembangkan dirinya melalui urusan dengan orang lain serta membentuk corak-corak tertentu kelakuan dan pengalaman yang relevan. Proses ini berlaku sebaik sahaja seorang bayi dilahirkan ke dalam sebuah keluarga dan ia akan terus berjalan sepanjang umur hidupnya. Oleh yang demikian, pergerakan seorang individu daripada kehidupan keluarga kepada kehidupan di sebuah institusi kebajikan akan memperlihatkan suatu bentuk proses sosialisasi yang berlainan.

### 1.1 Latarbelakang tempat kajian

Dengan itu, sebuah rumah kebajikan yang terletak di Kajang, Selangor iaitu Rumah Faith telah dipilih sebagai tempat kajian ke atas cara-cara sosialisasi sekumpulan anak-anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik. Rumah Faith merupakan sebuah pertubuhan sukarela yang cuba memberi tempat perlindungan kepada anak yatim, anak yang terbiar serta ditinggalkan oleh keluarga, anak yang dianiyai dan diabaikan oleh ibubapa mereka. Di Rumah Faith, anak-anak ini diberi penjagaan yang rapi dan berpeluang mengikuti pendidikan formal di sekolah-sekolah kerajaan. Tanggungjawab kerja kebajikan di sini adalah dikongsi bersama dengan institusi agama iaitu sebuah pertubuhan agama Kristian, "Assembly of God".

### 1.2 Tujuan dan objektif kajian

Kehidupan di Rumah Faith merupakan sebuah unit sosial yang lebih besar daripada keluarga, yang cuba memberi peluang kepada penyertaan normal kehidupan berkumpulan dan melaluinya ahli-ahli mempelajari untuk memainkan rol-rol yang sesuai.

Antara aspek utama yang hendak dikaji di sini adalah cara-cara sosialisasi berlainan yang terpaksa dialami oleh kanak-kanak dalam proses

peralihannya daripada institusi keluarga kepada institusi kebajikan. Kajian akan ditumpukan kepada perkembangan seorang kanak-kanak iaitu melihat cara-cara mereka belajar serta agensi-agensi sosialisasi di mana interaksi sosial berlaku di antara satu sama lain dan kesan daripada interaksi tersebut ke atas seorang anak.

Objektif kajian lain yang terlibat ialah menentukan penyertaan anak-anak di dalam pergaulan sosial dan kegiatan yang dijalankan oleh Rumah Faith. Di samping itu juga meneliti kedalam kehidupan secara berkumpulan.

### **1.3 Kaedah penyelidikan**

Dalam membuat kajiselidik ini, penyelidik telah menggunakan kaedah persampelan siasatan, soalselidik, temubual dan pemerhatian. Kaedah persampelan siasatan merupakan suatu teknik bagi pemilihan sampel kajian. Sampel kajian adalah satu kumpulan individu yang kecil bilangannya tetapi dapat mewakili keseluruhan penduduk. Dalam erti kata lain, data yang dikutip daripada bilangan individu yang kecil bilangannya secara relatif dapat memberikan gambaran yang tepat tentang situasi yang dikaji. Daripada teknik persampelan siasatan ini maka penyelidik berjaya mengenal pasti beberapa angkubah penting dan membahagikan penghuni-penghuni di Rumah Faith kepada beberapa kategori tertentu.

Dalam menjalankan kaedah siasatan ini juga, penyelidik telah menggunakan teknik soalselidik secara panduan temuramah. Satu siri soalan yang dibentuk khas untuk mengumpul data kajian telah ditanyakan sendiri oleh penyelidik kepada responden dan penyelidik pula mencatatkan jawapan yang diberi oleh responden. Panduan temuramah ini didapati lebih fleksible kerana aturcara dan bahasa yang digunakan pada waktu temubual tidak terlalu berstruktur. Cara ini juga didapati sesuai digunakan kerana ramai responden masih bersekolah rendah dan kurang pula memahami soalan yang dikemukakan.

Selain daripada soalselidik, penyelidik juga menggunakan kaedah temubual secara bebas untuk mendapatkan data-data peribadi yang lebih lanjut serta bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dengan responden. Temubual di sini merupakan suatu proses interaksi dan pada masa yang sama berlaku saling bertindakbalasan di antara penyelidik dengan responden.

Kaedah akhir yang digunakan dan sering digunakan oleh penyelidik ialah kaedah pemerhatian. Dalam kaedah pemerhatian, penyelidik memerhatikan gerak-geri unsur asas yang hendak dikaji dan cara ini didapati sangat berguna untuk mengkaji tingkah laku responden. Segala kejadian yang diperhatikan telah direkodkan semasa ia berlaku. Tingkah laku ini biasanya dapat dilihat dengan mata kasar dan ia berlaku samada secara sedar atau tidak sedar.

#### 1.4 Masalah penyelidikan

Masalah penyelidikan boleh dilihat dalam tiga tahap iaitu :-

- (i) Masalah semasa kajian perpustakaan
- (ii) Masalah semasa penyediaan soalselidik
- (iii) Masalah semasa pengutipan data

##### (i) Masalah semasa kajian perpustakaan

Dalam kajian perpustakaan, masalah utama yang dihadapi ialah kesuntukan masa untuk membaca keseluruhan bahan bacaan berkaitan dengan tajuk kajian iaitu sosialisasi. Banyak masa diperlukan bagi menentukan topik-topik yang berkaitan dengan tajuk kajian dan hanya sebahagian perkara-perkara yang relevan sahaja dengan tajuk kajian diambil sebagai rujukan.

Selain daripada itu, penyelidik juga terpaksa berhati-hati dalam menyemak tajuk-tajuk latihan ilmiah atau kertas-kertas kerja tahun lepasan supaya tidak mengulangi kajian sama yang telah dijalankan oleh penyelidik lain.

Walaupun bahan umum bagi tajuk kajian boleh didapati dengan mudah, tetapi maklumat tentang tempat kajian adalah amat terhad sekali dan tidak lebih daripada mengetahui bahawa ia adalah sebuah rumah kebajikan bagi anak yatim dan yang kurang bernasib baik. Malah tiada langsung bahan bertulis tentang tempat kajian boleh didapati di perpustakaan. Justeru itu, data yang mungkin dapat memberi latar belakang yang berguna kepada penyelidik tidak didapati dan masalah ini hanya dapat diatasi dengan mencari maklumat dari tempat kajian itu sendiri.

Kekurangan maklumat yang dapat memberikan gambaran umum tentang tempat kajian, menyebabkan penyelidik begitu kabur tentang kedudukan penghuni di situ sehingga penyediaan soalselidik bersabit dengan aspek yang hendak dikaji seperti aspek latar belakang biodata keluarga terpaksa ditangguhkan.

(ii) Masalah semasa penyediaan soalselidik

Dalam penyediaan soalselidik, penyelidik terpaksa berhati-hati dalam mengenepikan soalan-soalan sensitif terutamanya mengenai latar belakang biodata responden. Oleh kerana responden-responden di tempat kajian terdiri daripada latar belakang yang berlainan, maka penyelidik terpaksa menyediakan beberapa set soalan yang berasingan. Misalnya responden-responden terdiri dari golongan anak yatim, anak yang terbiar dan ditinggalkan oleh keluarga, anak yang dianiayai, anak yang ibubapa mereka berpisah dan ibubapa yang dipenjarakan. Masalah yang dihadapi di sini adalah sebelum soalselidik ini diberikan kepada responden, ia terpaksa diteliti oleh pihak penyelia rumah kebajikan terlebih dahulu. Alasan yang diberikan oleh pihak penyelia rumah kebajikan ialah mereka tidak ingin soalan-soalan yang sensitif mendatangkan kesan buruk ke atas responden.

Keadaan ini berlaku adalah kerana sebenarnya mereka kurang faham

atau kurang jelas tentang latar belakang tujuan dan tugas penyelidik. Oleh yang demikian, dalam menyediakan soalselidik ini, soalan-soalan yang ditanyakan oleh penyelidik adalah terhad dan penyediaan soalselidik terpaksa diubahsuai beberapa kali setelah menitik-beratkan kehendak kedua-dua pihak iaitu pihak rumah kebajikan dan penyelidik sendiri.

Dengan itu, untuk mendapatkan maklumat lanjut, ia terpaksa dilakukan secara informal melalui perbualan dengan penjaga-penjaga di rumah kebajikan tersebut atau dengan menyelitkan soalan-soalan semasa berbual-bual dengan responden. Cara pendekatan " tidak langsung " ini dilaksanakan dengan menanyakan hal-hal yang tidak penting atau hal-hal yang tidak sensitif sebelum menanyakan soalan-soalan yang lebih serius atau sulit.

Selain daripada itu, dalam membentuk soalan penyelidik terpaksa menggunakan perkataan yang mudah serta ringkas supaya difahami oleh responden-responden. Perkataan seperti " didera " atau " dianiyai " misalnya mungkin tidak difahami oleh responden yang kebanyakannya dari mereka masih bersekolah rendah. Oleh itu, penyelidik terpaksa berhati-hati dalam memilih perkataan yang sesuai supaya tidak timbul salah faham terhadap kehendak soalan. Untuk memastikan jawapan yang diberi menepati soalan, penyelidik memilih untuk menggunakan teknik panduan temuramah.

### (iii) Masalah semasa pengutipan data

Sebelum penyelidik dapat melakukan kerja pengutipan data, penyelidik terlebih dahulu perlu menentukan rangka sampel. Pemilihan sampel kajian merupakan suatu kerja yang rumit dan kompleks serta mengambil banyak masa. Ini adalah kerana penyelidik ingin memilih satu kumpulan individu yang kecil bilangannya tetapi harus pula mewaliki keseluruhan penduduk. Kerja ini melibatkan penyediaan senarai nama responden, pembahagian responden kepada kategori-kategori tertentu serta mendapatkan maklumat penting

mengenai kes-kes yang berlainan. Di sini penyelidik terpaksa menapis dan mengeluarkan mana-mana angkubah yang tidak diperlukan supaya kajian menjirus kepada fokus kajian.

Masalah utama yang dihadapi semasa pengutipan data ialah masalah untuk menghapuskan perasaan syak wasangka dan ketidakselesaan responden dengan kehadiran penyelidik. Oleh kerana kajian melihat kepada tingkahlaku responden, maka biasanya tingkahlaku mereka akan berubah bila masing-masing sedar bahawa diri mereka sedang diperhatikan dan perasaan syak wasangka ini biasanya berlaku apabila perkara yang dikaji itu bersifat sensitif atau sulit. Responden-responden tidak memberitahu hal yang sebenarnya berlaku mungkin kerana takut dan tidak faham fungsi serta tujuan penyelidik. Selain daripada itu, responden juga mempunyai perasaan malu. Dengan itu, mereka menghasilkan jawapan yang kurang tepat.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan demikian perasaan syak wasangka dan kurang senang dapat dikurangkan dengan membiasakan diri bagi pihak penyelidik dengan responden di situ. Ini dapat dilakukan dengan membuat kunjungan ke tempat kajian dengan lebih kerap dan menyertai bersama aktiviti-aktiviti semasa yang dijalankan, misalnya mengambil bahagian dalam permainan dengan kanak-kanak di situ.

Di samping itu, penyelidik juga memainkan dua rol iaitu sebagai seorang penyelidik dan juga sebagai seorang pekerja sosial sambilan secara sukarela. Penyelidik telah mengambil peranan rol sebagai seorang tutor, dalam memperkenalkan diri penyelidik kepada kanak-kanak yang hendak dikaji. Dengan berbuat demikian, penyelidik berharap dapat memberi peluang kepada bakal responden untuk membiasakan diri dengan kewujudan penyelidik sebagai " pendatang baru " dan bukannya sebagai orang luar atau orang asing.

Di samping ia dapat menjalinkan hubungan lebih mesra dengan responden, cara ini juga memastikan suatu " jalan masuk " serta-merta bagi penyelidik memulakan kajian. Ini adalah kerana dengan menawarkan perkhidmatan secara sukarela, cara ini dapat mengurangkan perasaan ragu-ragu antara pihak pentadbiran dalam memberi persetujuan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian di tempat mereka. Selain daripada itu, ia juga dapat menyakinkan mereka bahawa kajian yang dilakukan akan mendatangkan faedah kepada kedua-dua pihak.

Penyelidik juga menghadapi masalah komunikasi iaitu dari segi bahasa yang digunakan. Bahasa yang digunakan oleh responden-responden semasa berkomunikasi antara satu sama lain adalah kebanyakannya bahasa Tamil, kecuali responden berbangsa Cina menggunakan bahasa Malaysia dan sekali-sekala bahasa Cina. Oleh kerana penyelidik langsung tidak memahami bahasa Tamil, banyak daripada interaksi di antara responden-responden dengan penjaga rumah kebajikan tidak dapat ditafsirkan oleh penyelidik. Terdapat keadaan di mana penyelidik sedang menemubual seorang responden berbangsa India dalam bahasa Malaysia, seorang rakannya yang juga berketurunan India datang dan mereka mula menggunakan bahasa Tamil. Pada saat ini, penyelidik sudah terputus hubungan. Mungkin apa yang diperkatakan oleh mereka dalam bahasa Tamil itu menyentuh tentang temubual yang sedang dijalankan dan mungkin juga ia merupakan maklumat penting yang cuba dirahsiakan oleh responden daripada penyelidik.

Masalah ini merupakan sesuatu yang tidak dapat diselesaikan kecuali mendapatkan perkhidmatan pembantu penyelidik. Oleh kerana perbelanjaan untuk mendapatkan bantuan penyelidik menelan belanja yang agak besar dan kesuntukan masa, penyelidik tidak dapat berbuat demikian. Tambahan pula, walaupun mendapat perkhidmatan pembantu penyelidik, dalam proses

menterjemahkan suatu bahasa kepada bahasa yang lain, mungkin ada perkara penting yang tertinggal atau tidak lengkap terjemahannya. Oleh yang demikian, masalah ini tetap merupakan suatu kelemahan utama penyelidik dalam mendapatkan maklumat-maklumat sampingan yang mungkin penting bagi kajian.

RAB DUA

- 2.0 Definisi sosialisasi
- 2.1 Proses-proses sosialisasi
- 2.2 Matlamat sosialisasi
- 2.3 Agenzi dan agen-sosialisasi
- 2.4 Kajian kontemporari

## 2.0 Definisi Sosialisasi

Untuk memahami perkembangan sosial dan perbedaannya, kita perlu memahami konsep yang digunakan untuk menjelaskan bagaimana seorang bayi itu memperoleh dan menggunakan dirinya ke dalam masyarakat. Oleh yang demikian, istilah "sosialisasi" telah diperkenalkan oleh ahli-ahli sosiologi untuk menjelaskan bagaimana jaslah bilangan manusia yang sangat banyak boleh menyimpulkan tingkah-laku masing-masing di antara mereka sendiri untuk mengakalikan suatu "social order".

### BAB DUA

mis. seorang bayi manusia dibesarkan, ia hanya memperoleh suatu organisme yang mempunyai superlun-superlun strukturnya yang sama sebaiknya. Seorang bayi hanya mampu bertemu dengan orang-orang yang memperdulikannya.

#### 2.0 Definisi sosialisasi

menurut Vandaen dan Sanden (1), sosialisasi adalah proses sosialisasi, ia akan memperoleh jati diri dan identitas dirinya sebagai seorang ahli individu sembilan.

#### 2.1 Proses-proses sosialisasi

menurut Vandaen dan Sanden (1), proses sosialisasi, ia akan memperoleh jati diri dan identitas dirinya sebagai seorang ahli individu sembilan.

#### 2.2 Matlamat sosialisasi

menurut Vandaen dan Sanden (1), matlamat sosialisasi, ia akan memperoleh jati diri dan identitas dirinya sebagai seorang ahli individu sembilan.

#### 2.3 Agensi dan agen sosialisasi

menurut Vandaen dan Sanden (1), agensi dan agen sosialisasi, ia akan memperoleh jati diri dan identitas dirinya sebagai seorang ahli individu sembilan.

#### 2.4 Kajian sosialisasi

menurut Vandaen dan Sanden (1), kajian sosialisasi, ia akan memperoleh jati diri dan identitas dirinya sebagai seorang ahli individu sembilan.

Istilah "sosialisasi" telah diberi definisi dalam berbagai cara berdasarkan kepada siapa penulis-penulis berdasarkan disiplin subjeknya.

Menurut Vandaen dan Sanden (1), sosialisasi adalah proses interaksi sosial di mana ahli-individu memperoleh norma-norma-norma, norma dan mendapatkkan pengetahuan yang penting untuk perioritas norma-norma efektif di dalam masyarakat.

Definisi oleh Elton dan Daniel (1972) pun adalah sosialisasi sebagai "The process by which someone learns the ways of a given society or social group, so that he can function within it."

(1) Vandaen, Sanden, J.W : Sociology : A Systematic Approach, The Ronald Press Co., 1965.

## 2.0 Definasi Sosialisasi

Untuk memahami perkembangan sosial dan peribadi seseorang, kita perlu mengkaji konsep yang digunakan untuk menjelaskan bagaimana seseorang bayi itu membesar dan menyesuaikan dirinya ke dalam masyarakat. Oleh yang demikian, istilah "sosialisasi" telah diperkembangkan oleh ahli-ahli sosiologi untuk menjelaskan bagaimana jumlah bilangan manusia yang sangat besar boleh menyesuaikan tingkahlaku masing-masing di antara satu sama lain untuk mengekalkan suatu "social order".

Bila seorang bayi manusia yang baru dilahirkan, ia hanya merupakan suatu organisma yang mempunyai keperluan-keperluan fizikal yang asas sahaja. Seorang bayi hanya mengambil berat tentang dirinya sahaja tanpa memerdulikan orang lain. Ia juga sangat egoistik dan mementingkan dirinya sendiri. Melalui proses yang dikatakan iaitu proses sosialisasi, ia akan mempelajari apa yang diharapkan daripadanya sebagai seorang ahli individu di dalam masyarakat. Semakin seorang bayi itu membesar, ia akan memperolehi pengetahuan yang diperlukan baginya untuk menjadi seorang ahli yang berfungsi di dalam masyarakatnya.

Istilah "sosialisasi" telah diberi definasi dalam berbagai cara bergantung kepada minat penulis-penulis berdasarkan disiplin subjeknya.

Menurut Zanden<sup>(1)</sup>, sosialisasi adalah proses interaksi sosial di mana individu-individu memperolehi cara-cara memikir, merasa dan membentuk perlakuan yang penting untuk penyertaan secara efektif di dalam masyarakat.

Definasi oleh Elken dan Handel (1972) pula adalah sosialisasi sebagai "The process by which someone learns the ways of a given society or social group, so that he can function within it."

(1) Vanden, Zanden, J.W : Sociology : A Systematic Approach, The Ronald Press Co., 1965.

Sosialisasi juga didefinisikan oleh Selznick<sup>(2)</sup> sebagai "The process of building group values into the individual". Ia adalah proses di mana seorang anak memperolehi suatu intisari kebudayaan. Budaya di dalam suatu masyarakat dipindahkan kepada bayi. Dengan itu, individu yang membesar disesuaikan ke dalam suatu cara kehidupan yang teratur dan bersistem. Semasa melalui proses ini, seorang individu dibentuk ke dalam suatu personaliti dikurniakan dengan nilai-nilai, matlamat-matlamat dan impian-impian tertentu.

Suatu pendekatan yang bersifat lebih psikologikal diberikan oleh Child (1954) seperti berikut :

" Socialization is the process by which an individual born with behaviour potentialities of an enormously wide range is led to develop actual behaviour confined within the narrow range of what is customary for him according to the standards of his group. "

Proses sosialisasi dilihat sebagai suatu proses yang membentuk individu dengan cermatnya supaya mereka dapat dimasukkan ke dalam kedudukan mereka yang sesuai di dalam sistem masyarakat. Di dalam masyarakat yang kompleks, kita harus melihat proses sosialisasi sebagai berlaku pada saat seseorang bayi dilahirkan ke dalam kumpulan-kumpulan atau "subcultures" yang tertentu. Pada masa lahir sahaja, dia boleh samada menjadi ahli di dalam sesuatu kelas sosial, etnik, geografi atau kumpulan seks di mana dia harus mempelajari corak-corak tingkahlaku yang tertentu.

(2) Selznick, G.J : Socialization, In Bloom, L and Selznick, P : Sociology - a text with adapted readings, Harper and Bros, 1958.

Menurut Ruth Benedict (3), " Babies are born with undifferentiated responses and children have to be conditioned to acquire the habits and characteristics which give individuality to their community ; they must learn the particular habits of a particular culture. By the way in which parents treat their children, in which older children behave toward younger children, in which teachers reward and punish their pupils, emotions are selected and cultivated which adapt new generations to the life of their own community. "

Dengan perkataan lain, sosialisasi adalah tentang cara-cara individu dipengaruhi untuk mengikuti dan mengamalkan sifat serta budaya sesebuah kumpulan. Suatu pemahaman tentang sosialisasi adalah perlu meliputi suatu pengetahuan tentang proses-proses yang terlibat dalam peringkat kedewasaan di dalam mana-mana masyarakat. Proses-proses ini meliputi aspek-aspek perkembangan yang berpunca daripada faktor perawakan dalaman organisma dan persekitaran luaran di mana organisma wujud. Istilah sosialisasi dan perkembangan personaliti merujuk kepada dua muka yang sama pada sekeping duit syiling. Sosialisasi menekankan proses pembelajaran bagaimana untuk mengikuti permintaan sosial dan personaliti pula merujuk kepada pengeluaran akhir proses tersebut.

Keseluruhan proses perkembangan individu adalah melalui proses sosialisasi yang dilihat oleh Margaret Mead (4) sebagai

- (3) Benedict, R : The Study of Cultural Continuities in The Influence of Home and of Home and Community of Children under Thirteen Years of Age.
- (4) Mead, M : Research on Primitive Children, In L. Carmichael ; Manual of Child Psychology, New York, 1946 , p.p 667-706

" It is necessary to recognise that the growing child is systematically patterned in every detail, in posture, in tempo as well as in speech, in his way of thinking, as well as in the content of his thinking, in his capacity to feel as well as in the forms which his feelings take. "

Secara ringkasnya sosialisasi merujuk kepada proses-proses di mana individu-individu menjadi pengikut kepada norma-norma sesuatu kumpulan di mana dia menjadi seorang peserta yang aktif.

### **2.1 Proses-proses Sosialisasi**

Sosialisasi berlaku sepanjang hidup seseorang iaitu bilamana setiap kali seseorang individu itu mengambil bahagian di dalam keadaan sosial yang baru. Ia adalah suatu proses yang tidak akan berakhir dan tidak boleh dipisahkan daripada permintaan keadaan-keadaan sosial.

Menurut George Herbert Mead (1934), dia mencadangkan 3 tahap iaitu

- (i) mengambil sikap orang lain
- (ii) menimbulkan suatu rangkaian sikap ke atas pihak orang lain di samping memenuhi sikap sendiri ; dan
- (iii) dengan itu mewujudkan suatu rangkaian aktiviti bersama yang membawa kepada suatu turutan interaksi yang biasa di antara dua orang yang terlibat.

Menurut M.D Shipman dalam bukunya "Exploring Education: Childhood A Sociological Perspective" pula, proses sosialisasi boleh dilihat dalam tujuh keadaan iaitu :-

- (i) Seorang anak menghadapi dunia yang dijadikan oleh masyarakat

Dunia seorang anak diberikan kepadanya. Oleh itu, seorang anak hanya boleh berinteraksi dengan orang lain yang mentafsirkan kepadanya. Dia tidak boleh membuat keputusan tentang peranannya tetapi memainkan

peranan di mana orang lain menjangkakan dan orang lain membantunya dalam mempelajari peranan itu. Seorang anak dianggap orang dewasa hanya bila orang dewasa berpuas hati yang individu itu telah mempelajari untuk bertingkah laku di dalam cara-cara yang diterima serta dijangkakan oleh orang dewasa.

Dunia masyarakat yang dihadapi oleh seorang anak adalah hasil daripada interaksi sosial. Kehidupan hanya boleh diteruskan bila manusia boleh meramal tingkah laku-tingkah laku orang lain dan tingkah laku mereka sendiri di dalam cara yang boleh diramalkan. Sikap, budaya, upacara dan institusi dibina semasa interaksi sosial. Bila ia menjadi stabil, corak tingkah laku ini menjadi kekal bagi beberapa generasi. Seorang anak bukan sahaja dilahirkan dalam dunia orang-orang dewasa tetapi juga menghadapi jangkaan yang telah ditetapkan, diwariskan kepadanya daripada beberapa generasi.

Di sini anak-anak tidak boleh mengubah jangkaan tersebut. Oleh itu, ia perlu menerima sahaja jangkaan ini supaya dapat berinteraksi dengan orang lain. Sosialisasi adalah proses di mana seorang anak mengambil identiti mengenai peranan misalnya peranan seorang lelaki atau perempuan, ataupun seorang abang atau adik.

Proses pembelajaran bahasa harus berlaku terlebih dahulu. Seorang anak harus mempelajarinya supaya dapat berinteraksi. Hanya melalui bahasa suatu ciptaan sosial, seorang anak dapat melihat kepada dunia di sekelilingnya. Beliau dapat menginterpretasi bahagian-bahagiannya di dalam dunia tetapi bahasa ini sebenarnya mengawal. Oleh itu, ibubapa, guru-guru dan orang-orang dewasa adalah bertanggungjawab bagi sosialisasi seorang anak. Mereka juga disosialisasi dengan peraturan-peraturan yang wujud secara sah. Oleh itu bila tingkah laku seorang anak terkeluar daripada peraturan ini, maka anak dikatakan bertingkah laku buruk.

Menurut Berger dan Luckmann (1967) " Masyarakat adalah suatu projek manusia. Masyarakat adalah suatu realiti objektif dan manusia adalah hasil pengeluaran sosial. " Oleh itu, setiap anak akan mempelajari budaya yang ada supaya menjadi sebahagian daripada pengetahuannya. Sosialisasi bukan suatu stereotaip kerana setiap anak mempelajari berbagai kombinasi peranan-peranan dan ditakrifkan dengan cara-cara yang berlainan. Ini adalah kerana interaksi manusia selalu melibatkan interpretasi yang baru serta tolak ansur.

(ii) Sosialisasi adalah pemilihan dua-kali ganda (doubly selective)

Telah dimaklumkan bahawa seorang anak akan menghadapi suatu dunia yang telah diorganisasi dan diberikan definisi kepadanya oleh orang dewasa ataupun mereka yang lebih tua. Orang yang tertentu bukan sahaja memberikan gambaran dunia kepadanya tetapi mengintepretkannya terlebih dahulu. Ini adalah pemilihan dua kali ganda, pertama pemilihan dari stok pengetahuan dan kemudian suatu interpretasi oleh orang dewasa. Seorang anak tidak mempunyai kedudukan untuk membuat apa-apa tetapi menerima apa yang dipersembahkan.

Semasa seorang anak mempelajari pandangan dunia, beliau mempelajari juga pandangan dirinya. Apabila anak berupaya untuk melihat dirinya sebagai objek, ia membawa pengetahuan tentang dirinya dan suatu pengetahuan tentang perhubungan manusia yang diaturkan. Di sini akan berlaku perkara-perkara yang berkonflik tetapi program sosialisasi diorganisasikan, disebarluaskan oleh perkhidmatan sosial, media massa, sarjana dan guru-guru. Semua ini diorganisasikan melalui bahasa di mana pengetahuan diperturunkan daripada generasi ke generasi.

Pemilihan dan interpretasi pengetahuan dibuat lebih formal dalam program-program masyarakat moden. Manusia tidak boleh mengetahui kesemua pengetahuan teknologi yang sofiskated atau pandangan terhadap dunia dengan

skala yang besar. Undang-undang, agama, muzik, sejarah dan semua bentuk pengetahuan dituliskan, diklasifikasi serta dipindahkan daripada pakar-pakar kepada seorang anak. Peningkatan di dalam pengkhususan meningkatkan bilangan model bagi anak untuk mengidentifikasi diri dengannya serta peningkatan di dalam peranan-peranan didapatinya. Kurikulum sekolah misalnya adalah pemilihan daripada semua pengetahuan ini.

(iii) Kita mempelajari daripada jangkaan orang lain

Pada satu-satu masa tertentu seorang individu akan terlibat dalam beberapa kedudukan atau status di dalam hubungannya dengan orang lain. Di dalam kedudukannya sebagai seorang abang, adik, anak lelaki atau anak perempuan, kawan dan di dalam banyak lagi kedudukan seseorang itu berhubung dengan orang lain, akan wujud suatu ekspektasi mengenai tingkahlaku. Jangkaan-jangkaan ini mentakrifkan peranan yang dijangkakan oleh orang-orang tertentu daripada status tertentu. Di dalam setiap kedudukan seorang individu akan mendapati dirinya berkonflik tentang jangkaan-jangkaan ini yang tidak jelas dan jangkaan-jangkaan yang sangat longgar.

(iv) Kita mempelajari siapa diri kita dengan menganggap diri kita sebagai objek

Pendekatan ini dikemukakan oleh Mead (1934). Manusia dikatakan bukan sekadar sedar kepada ekspektasi orang lain tetapi sensitif kepada tanda-tanda tentang pendapat orang lain terhadap tingkahlakunya. Mereka juga berkemampuan untuk menganggap diri mereka sebagai objek. Oleh itu soalan " Bagaimana cara saya lakukan ? " selalu ditanya. Individu bukan sahaja membuat tafsiran kepada dirinya tetapi juga membayangkan tanda-tanda kepada orang lain serta mempelajari tentang dirinya daripada

tindakbalas orang lain. Dia berkebolehan untuk mengambil peranan orang lain, mencuba beberapa peranan berlainan, mengidentifikasi dan mendalaminya. Ini semua adalah dicari secara aktif oleh individu bagi mendapatkan peranan-peranan yang sesuai dengan dirinya.

Pandangan objektif tentang diri (self) dibina daripada tumpuan terhadap tindakbalas-tindakbalas beberapa bilangan orang lain. Ibubapa, guru-guru dan kawan-kawan bukan sahaja penting kepada individu kerana interaksi dengan mereka adalah sangat kerap tetapi melibatkan juga perasaan emosi. Maka tindakbalas daripada orang dewasa menjadi penting kepada seorang anak kerana ia samada membawa keseronokan atau menyakitkan. Oleh itu, terdapat orang lain yang tertentu sering digunakan sebagai model dan juga sebagai panduan. Walaupun demikian, ini bukan penerimaan model secara pasif. Pilihan dibuat berdasarkan hasil pembelajaran yang mungkin tidak terhad kepada orang-orang tertentu tetapi mungkin dilanjutkan kepada watak yang dikhayalkan. Walau bagaimanapun di dalam semua kes, diri seorang dibina daripada interaksi sosial samada di dalam kerja atau dimainkan.

Kebanyakan situasi di mana individu memberi tafsiran dan menjadikannya bermakna adalah sosial. Tindakbalas individu berdasarkan kepada interpretasi individu tentang tindakbalas orang lain ke atas dirinya. Oleh itu, individu-individu bertingkahlaku terhadap satu sama lain berdasarkan cara-cara dia melihat tindak-tanduk orang lain. Tanda-tanda di mana individu menggunakan bagi interpretasi kedudukannya dipilih daripada pemikirannya. Masa depan dijangkakan sebagai asas bagi tingkahlaku masa kini, seperti juga yang lepas disimpulkan sebagai asas bagi tingkahlaku sekarang. Keseluruhan proses interaksi di mana individu membina imej dirinya dan mengambil keputusan terhadap tingkahlaku tertentu adalah secara simbolik. Salah satu daripada ciri-ciri manusia ialah

kebolehannya untuk menggunakan simbol-simbol membuat kesimpulan daripada yang lepas, memperluas kepada masa kini dan meramalkan masa depan. Yang paling penting ialah set-set simbol ini disatukan dengan bahasa. Penulisan, bahasa dan pembentukan imej adalah maklumat kepada peribadi manusia. Seorang anak menggambarkan dunianya sendiri tetapi model-model dan maksud expresi diberikan kepadanya.

(v) Pembelajaran adalah aktif

Individu bukanlah hasil pengeluaran daripada kuasa-kuasa yang dia boleh kawal tetapi adalah suatu agen yang aktif, bukan sahaja membuat keputusan tentang tingkahlakunya tetapi menginterpretasi situasi-situasi di mana dia terlibat. Individu memainkan suatu bahagian menentukan imej dirinya sendiri. Anak-anak yang masih kecil mungkin menerima sahaja tetapi bila umurnya meningkat kemunculan imej dirinya membolehkan individu membuat interpretasi situasi-situasi di mana dia berada, di dalam caranya sendiri. Sebaik sahaja seorang bayi melihat dirinya sebagai seorang individu, dia boleh menentukan tingkahlakunya sendiri.

Campurtangan secara aktif individu di dalam situasi pembelajaran di mana dia terlibat bergantung kepada pengalaman yang dikumpulnya. Seorang anak di dalam keluarga mungkin tidak dapat merasai perbezaan yang besar antara pengalaman sekarang dan yang lepas. Tetapi di sekolah misalnya dia mungkin mendapati interpretasi ini sukar kerana pengalamannya yang lepas tidak mungkin menyediakannya bagi situasi sosial yang baru. Kebolehan anak untuk belajar dan pembentukan imej diri mungkin terbatas kerana tidak boleh menyesuaikan diri antara situasi yang diorganisasikan oleh guru dengan apa yang dia mengalami dalam keluarganya sendiri atau komuniti tempatannya.

(vi) Sosialisasi adalah proses dua hala

Pandangan biasa tentang sosialisasi ialah seseorang yang belajar didekah kepada jangkaan orang lain dan bertindakbalas kepada mereka. Ganjaran dan hukuman digunakan untuk menghalang tingkahlaku yang tidak disetujui oleh agen sosialisasi dan untuk menggalakkan tingkahlaku yang dipersetujui. Tetapi sosialisasi berlaku melalui interaksi di antara individu-individu. Aktiviti seorang yang mempelajari bukan sahaja melibatkan proses interpretasi tetapi juga proses " intervention ". Bila seorang mempelajari bagaimana untuk bertindakbalas terhadap persembahan orang lain, dia juga akan mempersebahannya dirinya kepada orang lain. Oleh itu, mereka juga sama-sama berada di dalam proses pembelajaran.

Proses pembelajaran secara dua hala ini mempunyai implikasi yang mustahak. Pertama, ia bermakna situasi pembelajaran boleh merangkumi daripada mereka yang tidak dapat mempengaruhi orang lain kepada keadaan memberi dan menerima. Misalnya ibubapa seringkali tidak pasti bagaimana untuk bertingkahlaku di dalam situasi baru di depan anak mereka. Mereka sedar kepada petanda-petanda yang anak mereka berikan. Mereka juga memberi perhatian kepada cara-cara anak mereka berfikir, belajar dan juga perasaan mereka. Kemudian ibubapa akan menyesuaikan tingkahlaku sendiri terhadap anak mereka berdasarkan petanda-petanda tersebut. Mereka mungkin mendapatkan nasihat daripada buku, televisyen, radio dan pekerja-pekerja sosial. Oleh itu, adalah susah untuk melihat siapa yang mendidik siapa di dalam sebuah keluarga dengan seorang bayi yang baru. Anak tersebut menjadi perhatian utama tetapi secara tidak langsung merintis tingkahlaku di dalam orang dewasa.

Seorang bayi tidak mempunyai kedudukan untuk melakukan tawar-menawar dengan ibubapanya tetapi bagi remaja, mereka biasanya berkebolehan untuk berunding dengan adanya suatu kedudukan yang lebih berkuasa

dengan kehadiran sokongan kawan-kawannya. Begitu juga semasa di sekolah rendah, seorang anak menerima arahan daripada guru tanpa sebarang soalan tetapi di universiti, penuntut mungkin mengkehendaki pandangan mereka diambil kira.

Tolak ansur dan manipulasi mengambil tempat semasa interaksi telah dibuat kajian oleh Goffman (1965). Walaupun di dalam institusi yang mempunyai peraturan-peraturan yang tegas menguasai tingkah laku penghuninya tetapi masih akan terdapat suatu proses tolak-ansur. Ini merupakan suatu kontrak yang tidak ditulis yang membolehkan penghuni membentuk suatu kebebasan bagi dirinya.

Akibat daripada sifat dua-hala sosialisasi ini, individu tidak akan menghadapi suatu sistem kawalan yang tetap, lengkap dan tidak boleh ditembusi. Kebebasan adalah akibat sebahagian daripada konflik yang terlibat di antara agensi-agensi sosialisasi. Keluarga dan sekolah, gereja dan kerajaan, agensi kebajikan dan komunikasi massa semuanya menekankan kehidupan yang baik serta tafsiran mereka sendiri tentang manusia yang baik. Akibatnya individu-individu menghadapi suatu keadaan pelbagai konflik pengalaman pembelajaran. Tambahan pula di dalam banyak aspek kehidupan tidak ada peraturan-peraturan yang jelas. Kod-kod moral misalnya mungkin menggariskan prinsip-prinsipnya tetapi tidak memberikan arahan mana diikuti.

Oleh itu, terdapat suatu keseimbangan di antara suatu keterlaluan di mana semua agensi-agensi sosialisasi tidak seragam dan tidak ada persetujuan. Perbezaan individu adalah besar tetapi masih terdapat kesamaan antara ahli-ahli daripada kumpulan berlainan, bangsa berlainan dan seks berlainan yang menunjukkan suatu darjah kawalan. Tambahan pula, sebahagian daripada sosialisasi mengandungi nilai-nilai pembelajaran yang membawa seorang yang belajar percaya di dalam apa yang benar dan

kebiasaan di dalam cara kehidupannya serta untuk melihat organisasi masyarakat sebagai sah.

(vii) Terdapat banyak corak yang berlainan tentang cara hidup

Kajian ke atas masyarakat buta huruf yang kecil skalanya dan kajian tentang kumpulan-kumpulan di dalam masyarakat industri yang moden menunjukkan perbezaan yang besar di dalam apa yang biasanya dianggap asas peranan. Terdapat masyarakat di mana tingkahlaku yang dijangkakan bagi lelaki akan sama kepada yang dijangkakan bagi perempuan di sini. Tingkahlaku yang dijangkakan atau mungkin digalakkan di kalangan anak-anak di satu tempat mungkin dianggap tidak bermoral di tempat lain. Di dalam kumpulan sosialisasi tertentu, ia menentukan tingkahlaku diramalkan secara adil. Tetapi ramalan ini tidak benar bila manusia daripada kumpulan berlainan berinteraksi.

Walaupun di dalam kumpulan berlainan di dalam setiap masyarakat mempunyai pilihan mereka tersendiri tentang set ciri-ciri maksud tertentu tetapi secara keseluruhannya corak budaya adalah biasa dan dibawa oleh bahasa. Sosialisasi sering didefinisikan sebagai proses di mana individu-individu mendalamai budaya itu. Mereka yang bertutur bahasa yang sama mengkongsi definisi yang sama tentang masa dan tempat. Mereka dapat menghubungkan sebab dan akibat di dalam cara yang sama. Oleh itu, tingkahlaku antara mereka kepada satu sama lain boleh diramalkan.

Kajian tentang budaya yang berlainan mendedahkan cara-cara pemikiran dan perbuatan yang berlainan. Sosialisasi sering digambarkan sebagai satu permainan. Guru dan seorang pelajar saling memperdaya untuk mengatasi satu sama lain serta mengekalkan minat masing-masing. Tingkahlaku di dalam masyarakat tertentu menjadi boleh diramalkan dan cara-cara melihat dalam dunia menjadi sama kerana biasanya berat sebelah kepada orang dewasa.

## 2.2 Matlamat Sosialisasi

Proses sosialisasi bukan sesuatu yang dilakukan secara rawak sahaja. Terdapat berbagai matlamat sosialisasi di dalam masyarakat dunia tetapi ada matlamat sosialisasi tertentu yang khusus bagi masyarakat dan budaya yang tertentu. Di dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, seseorang boleh membayangkan bagaimana matlamat berlainan dan kadang-kadang berkonflik dari segi perhubungan kaum dan perpaduan nasional.

Satu daripada matlamat umum sosialisasi adalah untuk mempelajari peranan-peranan sosial. Individu mempelajari peranannya di dalam masyarakat dan di dalam mempelajarinya, individu belajar untuk mengkoordinasikan tingkahlakunya dengan tingkahlaku orang lain. Jika proses itu berjaya, individu akan menjadi seorang ahli yang berfungsi di dalam masyarakatnya, tetapi jika ia gagal, orang itu tidak akan merasakan dirinya mempunyai apa-apa peranan di dalam masyarakat. Oleh itu tingkahlakunya mungkin menjadi tidak teratur dan malah mungkin mendatangkan kerosakan kepada masyarakat sebagai suatu keseluruhan.

Sosialisasi juga cuba memberikan suatu batasan kepada kepuasan. Di dalam masyarakat yang berorganisasi akan wujud peraturan-peraturan tingkahlaku yang harus dipatuhi. Peraturan-peraturan ini adalah bermaksud untuk memudahkan interaksi sosial dan mengawal tingkahlaku sosial. Melalui sosialisasi, ia cuba mendalamai pelbagai bentuk disiplin di kalangan individu. Misalnya bagi mereka yang beragama Islam individu telah diberitahu tentang makanan yang dilarang oleh Tuhan. Oleh itu, individu akan terus jatuh sakit secara fizikal bila diberitahu mereka telah makan makanan yang dilarang oleh agama mereka. Di sebaliknya pula, ada orang yang mengambil peraturan-peraturan sosial ini sambil lewa dan sedia melanggarnya bila mereka suka.

Satu lagi matlamat sosialisasi ialah mengajarkan kemahiran kepada setiap individu dalam masyarakat. Semua masyarakat samada masyarakat industri atau pertanian, mensyaratkan pencapaian kemahiran tertentu bagi ahli-ahlinya supaya dapat mengassimilasi mereka ke dalam masyarakat masing-masing. Di samping kemahiran teknikal yang diperlukan bagi penyertaan efektif di dalam suatu masyarakat, terdapat juga kemahiran-kemahiran sosial yang perlu dipelajari. Misalnya seorang perlu biasa dengan cara-cara yang sopan untuk berhubung dengan jiran-jiran dan kawan-kawannya jika dia benar-benar ingin menyesuaikan diri ke dalam masyarakatnya. Mempelajari kemahiran-kemahiran bagi kejayaan penyertaan di dalam suatu masyarakat adalah sangat-sangat penting bagi kedua-dua individu dan masyarakat, dan orang-orang yang tidak mempelajari kemahiran-kemahiran sosial yang diperlukan adalah dikatakan sebagai " severely handicapped ".

### 2.3 Agensi dan Agen Sosialisasi

Di dalam perkembangan masyarakat, tugas mengajar dan mengekalkan peranan tingkahlaku adalah dikawal oleh organisasi-organisasi yang diistilahkan sebagai " agensi-agensi " sosialisasi. Agensi-agensi sosialisasi yang penting di dalam masyarakat kita bagi kebanyakan orang adalah keluarga, sekolah, kumpulan kawan-kawan, media massa dan keadaan tempat kerja.

Kumpulan-kumpulan di dalam masyarakat ini juga dipengaruhi kepada tahap yang berbeza oleh gereja, pub dan lain-lain lagi institusi di dalam masyarakat. Institusi-institusi lain seperti hospital, penjara dan rumah orang-orang tua boleh mengajar kita cara-cara baru untuk bertingkahlaku yang mungkin menentukan samada kita akan tinggal di dalam

institusi tersebut atau mungkin memberikan akibat kepada kehidupan kita yang seterusnya. Agen-agen sosialisasi ini adalah individu-individu di dalam suatu organisasi yang mempunyai tanggungjawab mengajar orang lain peranan-peranan mereka sesuai dengan kedudukan pada masa sekarang dan juga menyediakan mereka bagi peranan-peranan pada masa hadapan di mana mereka akan memerlukannya dalam situasi yang sesuai dan peringkat-peringkat akhir kehidupan mereka.

Sebagai contohnya, ibubapa mengajar seorang bayi suatu set tingkah laku yang sesuai kepada umur, seks dan kedudukannya di dalam keluarga. Tetapi pada masa yang sama, seorang anak juga perlu disediakan bagi peranan-peranan yang dikehendaki melalui perhubungan-perhubungan bersama dengan kawan-kawan dan dengan kemasukannya ke sekolah.

Agen sosialisasi bukan sahaja terdiri dari individu-individu di mana seorang anak itu berdampingan, tetapi merangkumi pula media massa. Di dalam masyarakat moden hari ini, setiap orang tidak akan lari dari pengaruh media massa. Agen sosialisasi daripada media massa yang paling penting dalam membentuk tingkah laku seorang anak adalah pengaruh televisyen. Di samping itu pula mungkin buku-buku, majalah-majalah dan bahan bacaan juga menyumbangkan sedikit sebanyak pengetahuan kepada seorang individu untuk memahami dunia yang didiaminya.

#### 2.4 Kajian Sosialisasi

Kajian sosialisasi boleh dikatakan sebagai kajian terhadap perkembangan seorang kanak-kanak. Oleh itu terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis kajian tentang perkembangan seorang anak iaitu :

- (i) kajian terhadap masalah dalam proses kematangan dan peringkat-peringkat perkembangan seorang anak

- (ii) kajian terhadap cara-cara seorang anak itu belajar
- (iii) kajian terhadap agen-agen sosialisasi di mana interaksi sosial berlaku di antara satu sama lain dan kesan daripada interaksi tersebut ke atas seorang anak.

Tidak ada satu daripada pendekatan kajian ini boleh dikatakan lengkap secara sendirinya. Misalnya di dalam proses kematangan dan pembelajaran tidak boleh dipisahkan. Interaksi sosial bergantung kepada suatu keperluan bahasa dan emosi yang mencukupi. Oleh itu, sumbangan daripada psikologi dan sosiologi adalah saling diperlukan bagi menganalisis kajian sosialisasi.

### 3.0 Tempat kajian : Rumah Faith

#### 3.1 Sejarah Rumah Faith

#### 3.2 Objektif Rumah Faith

#### 3.3 Struktur organisasi

#### 3.4 Aktiviti-aktiviti yang dijalankan

#### 3.5 Aktiviti kanselorisme di Rumah Faith

#### 3.6 Kewangan Rumah Faith

#### 3.7 Masalah-masalah yang dihadapi oleh Rumah Faith

#### 3.8 Kesiapan-cadangan masa depan

### 3.0 Tempat Kajian & Rumah Faith

Rumah Faith, sebuah rumah kajian bagi anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik telah dipilih oleh penyelidik sebagai tempat kajian bagi kajian apostolik.

Rumah Faith terletak di Taiping Jalan di alamat :

No. 11,13 & 14, Jalan Sekolah

Dunia Taiping Baru,

Jalan Sungai Cina,

#### BAB TIGA

43000 Taiping,

#### 3.0 Tempat kajian : Rumah Faith

##### 3.1 Sejarah Rumah Faith

##### 3.2 Objektif Rumah Faith

##### 3.3 Struktur organisasi

##### 3.4 Aktiviti-aktiviti yang dijalankan

##### 3.5 Aktiviti kanak-kanak di Rumah Faith

##### 3.6 Kewangan Rumah Faith

##### 3.7 Masalah-masalah yang dihadapi oleh Rumah Faith

##### 3.8 Rancangan-rancangan masa depan

Kedudukan sebenar Rumah Faith boleh dilihat di dalam peta lokasi pada lampiran A.

#### 3.1 Sejarah Rumah Faith

Rumah Faith adalah suatu tempat yang mengelakkan perilindungan dan penjagaan bagi kanak-kanak yang didera, yatim piatu, berhias dan ditinggalkan oleh keluarga serta mereka yang terlalu miskin.

Rumah Faith dimulakan dengan usaha Rev. K.K Simodurai danisteriannya. Rev. K.K Simodurai adalah seorang pastor di gereja

### 3.0 Tempat Kajian : Rumah Faith

Rumah Faith, sebuah rumah kebajikan bagi anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik telah dipilih oleh penyelidik sebagai tempat kajian bagi kajian sosialisasi.

Rumah Faith terletak di Kajang iaitu di alamat :

No. 11,13 & 14, Jalan Sebelas

Taman Kajang Baru,

Jalan Sungai Chua,

43000 Kajang,

Selangor Darul Ehsan.

( No. Telefon : 03-8364500 )

Alamat pos pula adalah :

Rumah Faith

P.O Box 20,

43007 Kajang,

Selangor Darul Ehsan.

Kedudukan sebenar Rumah Faith boleh dilihat di dalam peta lakaran pada Lampiran A.

### 3.1 Sejarah Rumah Faith

Rumah Faith adalah suatu tempat yang menyediakan perlindungan

dan penjagaan bagi kanak-kanak yang didera, yatim piatu, terbiar dan ditinggalkan oleh keluarga serta mereka yang terlalu miskin.

Rumah Faith dimulakan dengan usaha Rev. K.K Sinnadurai dan

isterinya. Rev. K.K Sinnadurai adalah seorang pastor di gereja

Kajang Assembly of God (AOG). Dengan itu, Rumah Faith telah diletakkan di bawah penyeliaan AOG, sebuah pertubuhan agama Kristian.

Menurut Pastor Sinnadurai, Tuhan telah memberikan mereka suatu tugas dan impian untuk memulakan sebuah rumah anak yatim semasa percutian beliau dengan isterinya di Sri Lanka pada tahun 1978. Setelah melawat sebuah rumah anak yatim di situ, beliau terseru dan ingin untuk memulakan sebuah rumah untuk kanak-kanak yatim piatu. Setelah pulang kembali ke Malaysia, beliau telah banyak berfikir, membincang serta bertukar-tukar pendapat dengan orang lain. Akhirnya dengan banyak berdoa kepada Tuhan, Rumah Faith dimulakan pada bulan Februari, 1985.

Pada mulanya dua buah rumah teres satu tingkat disewa bagi menempatkan dua orang kanak-kanak dan tiga orang kakitangan sepenuh masa. Pada hari ini, Rumah Faith mempunyai lebih kurang 60 kanak-kanak dan 10 orang kakitangan sepenuh masa yang tinggal di dalam enam buah rumah sewa. Sebuah rumah untuk kanak-kanak lelaki, sebuah lagi untuk kanak-kanak perempuan, sebuah rumah lagi untuk kanak-kanak lelaki yang lebih dewasa, sebuah rumah sebagai pejabat dan dua buah rumah lagi untuk tempat tinggal kakitangan.

Pada masa yang sama, Rumah Faith kini memiliki sekeping tanah seluas tiga setengah ekar dan diharapkan pada suatu hari dapat dibinakan sebuah bangunan yang cukup besar bagi menampung kesemua kanak-kanak, kakitangan serta menyediakan berbagai kemudahan bagi sukan, dapur, perpustakaan, bilik-bilik belajar dan lain-lain lagi kemudahan.

Oleh kerana pertubuhan Rumah Faith tidak mendapat apa-apa bantuan daripada kerajaan, maka keperluan-keperluan bagi Rumah Faith diperolehi daripada kutipan derma dalam bentuk wang tunai ataupun barang keperluan lain. Hasil dermaan ini diperolehi daripada orang perseorangan, gereja-gereja, organisasi serta syarikat-syarikat swasta. Di samping itu,

berbagai aktiviti juga dijalankan oleh Rumah Faith khas bagi pengutipan derma.

### 3.2 Objektif Rumah Faith

Matlamat utama Rumah Faith adalah untuk memberikan kanak-kanak suatu tempat kediaman yang baik, penuh dengan kasih sayang, penjagaan dan berdisiplin. Ia juga berharap dapat menyediakan masa depan kanak-kanak ini agar lebih cerah dari segi rohani, akademik, sosial dan fizikal.

Bersesuaian dengan objektif ini, tema Rumah Faith adalah " We Care " dan dengan ini jelas memberi gambaran mengenai objektif-objektif berikut :

- (i) memberi perlindungan dan tempat tinggal kepada kategori kanak-kanak yang didera, yatim piatu, terbiar dan ditinggalkan oleh keluarga serta mereka yang terlalu miskin.
- (ii) memberi kasih sayang dan penjagaan rapi kepada mereka.
- (iii) memberi peluang untuk mengikuti pendidikan formal di sekolah-sekolah kerajaan.
- (iv) menyediakan aktiviti-aktiviti untuk memenuhi keperluan-keperluan mental, sosial, jasmani dan rohani mereka.
- (v) menyediakan mereka untuk menghadapi masa depan dengan berjayanya.

### 3.3 Struktur Organisasi Rumah Faith

Jawatankuasa pengurusan ini adalah di bawah pengawalan jawatankuasa pentadbiran. Tu Jawatankuasa Eksekutif Assembly of God

Kias kepada pengawalan serta pengurusan Rumah Faith. Kaitangan pengurusan mengandungi sejumlah ahli dan mereka adalah kaitangan yang dibayar bagi kerjanya.

#### Jawatankuasa Pentadbiran Rumah Faith

3.4 aktiviti-aktiviti yang dilakukan

#### Berbagai-bagi Jawatankuasa Pengurusan Rumah Faith

ia ditubuhkan pada Februari, 1989. Kebiasaan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu adalah menurut perintah dan kerutanaya dari segi kewangan untuk membolehkan pihak pengurusan Rumah Faith menjalankan serta meneruskan aktiviti mereka.

#### Penyelia

#### Pembantu Penyelia

Dalam antara aktiviti-aktiviti yang masih dijalankan adalah seperti

Rumah Lelaki	Rumah Kedua	Pejabat	Rumah Pengurusan	Tukang Perempuan	Masak
--------------	-------------	---------	------------------	------------------	-------

untuk mengumpul wang dan wang yang diketip telah digunakan untuk membeli barang dan bagi kegunaan Rumah Faith.

#### Jawantankuasa Pentadbiran Rumah Faith

Sebuah jawantankuasa pentadbiran ditubuhkan bagi melihat kepada masalah-masalah pengurusan serta pentadbiran Rumah Faith termasuklah masalah-masalah seperti masalah kewangan, masalah pelajaran dan sebagainya. Jawatankuasa ini tidak mempunyai pejabat tetap dan mesyuarat sebanyak satu atau dua kali sebulan diadakan di gereja atau di Rumah Faith. Kesemua ahli-ahli jawantankuasa pentadbiran adalah ahli secara sukarela.

### Jawatankuasa Pengurusan Rumah Faith

Jawatankuasa pengurusan ini adalah di bawah penyeliaan jawatankuasa pentadbiran. Tugas ahli-ahli jawatankuasa pengurusan ini adalah tertumpu khas kepada pengendalian serta pengurusan Rumah Faith. Kakitangan pengurusan mengadakan mesyuarat setiap bulan dan mereka adalah kakitangan yang dibayar bagi sepenuh masa.

#### 3.4 Aktiviti-aktiviti yang dijalankan

Berbagai-bagai aktiviti telah dijalankan oleh Rumah Faith sejak ia ditubuhkan pada Februari, 1985. Kebanyakan daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu adalah untuk mengutip derma terutamanya dari segi kewangan untuk membolehkan pihak pengurusan Rumah Faith menjalankan serta meneruskan aktiviti-aktiviti mereka.

Di antara aktiviti-aktiviti yang pernah dijalankan adalah seperti berikut :

(i) Jogathon Kebajikan '90

Jogathon Kebajikan '90 telah diadakan pada tahun lepas, bertujuan untuk mengumpul wang dan wang yang dikutip telah digunakan untuk membeli sebuah van bagi kegunaan Rumah Faith.

(ii) Charity Bazaar

Charity Bazaar diadakan di sebuah rumah yang disewa. Di sini penjualan barang-barang terpakai dijalankan. Alat-alat elektrik seperti alatan pejabat, perabot, radio, televisyen, peti sejuk dan alatan rumah yang lain ada dijual di sini. Harga jualan adalah berpatutan dan untungnya dimasukkan ke dalam tabung Rumah Faith. Walau bagaimanapun, Charity Bazaar yang dibuka pada tahun lepas telah ditutup kerana kekurangan kakitangan bagi

mengurusnya sepenuh masa dan sambutan daripada orangramai pula kurang menggalakkan. Kini rumah yang disewa bagi Charity Bazaar telah digunakan untuk menempatkan kanak-kanak lelaki yang lebih dewasa.

(iii) 6th Anniversary Dinner

Majlis makan bagi menyambut ulangtahun pembukaan Rumah Faith diadakan setiap tahun. Pada tahun ini, ia merupakan sambutan ulangtahun ke enam bagi Rumah Faith. Seperti tahun-tahun yang lepas, pertunjukan dan penjualan tiket diadakan untuk mengumpul wang bagi projek pembinaan Rumah Faith yang baru di atas sekeping tanah seluas tiga setengah ekar.

(iv) Program Penajaan

Bentuk bantuan yang amat diperlukan oleh Rumah Faith ialah dalam bentuk tajaan kewangan. Di dalam hal ini, suatu " Sponsorship Programme " diadakan, di mana seseorang boleh memilih mana-mana kanak-kanak dan membayai perbelanjaan persekolahan dan keperluan hariannya.

Pengiriman wang tajaan hendaklah menggunakan Cek Berpalang atau " Postal Order " yang dibayarkan kepada Rumah Faith. Wang tajaan tersebut tidak diberi terus kepada kanak-kanak tetapi akan disalurkan kepada dua tabung iaitu :

Tabung Wang Saku Kanak-kanak	(\$15.00 )	-	30%	
dan	Tabung Makanan Kanak-kanak	(\$55.00 )	-	70%

Di pihak penaja pula, beliau akan menerima satu gambar serta huraiian ringkas latar belakang seorang kanak-kanak yang ditajanya. Setiap tahun semasa penajaan, beliau akan menerima laporan tentang perkembangan kanak-kanak tersebut. Tujuan di sini

adalah untuk membolehkan pihak penaja mengenali siapa kanak-kanak yang ditajanya. Di samping itu, penaja juga dibenarkan menulis surat ataupun menghantar kad kepada anak yang ditajanya.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak di Rumah Faith tidak boleh dijadikan anak angkat. Ini adalah kerana kebanyakan daripada mereka berasal daripada keluarga miskin dan rumah tangga yang kucar-kacir. Oleh itu suatu hari kelak mereka yang masih mempunyai ibu atau bapa akan pulang ke pangkuhan sisi mereka. Mereka yang tidak mempunyai ibu atau bapa biasanya diterima kembali oleh saudara-mara yang terdekat. Rumah Faith hanya bertindak sebagai penjaga sementara kepada kanak-kanak tersebut.

### **3.5 Aktiviti Seharian Kanak-kanak di Rumah Faith**

---

Kegiatan kanak-kanak di Rumah Faith boleh dilihat dalam jadual-jadual waktu yang dibentangkan seperti dalam mukasurat sebelah. Jadual-jadual tersebut adalah bagi hari-hari yang bersekolah. Pada hari minggu atau cuti persekolahan, aktiviti seharian berubah sedikit dengan tambahan kepada aktiviti-aktiviti di luar.

Jadual-jadual berikut dibahagikan kepada dua iaitu

- (i) Jadual Waktu Kanak-kanak Bersekolah
- (ii) Jadual Waktu Kanak-kanak yang belum Bersekolah

(i) Jadual Waktu Kanak-kanak Bersekolah

	<u>Sesi Pagi</u>	<u>Sesi Petang</u>	
5.30 am	Bangun dan membersihkan diri	6.45 am	Bangun dan membersihkan diri
6.00 am	Sembahyang doa pagi	7.15 am	Sembahyang doa pagi
6.15 am	Sarapan	8.00 am	Sarapan
6.30 am	Bertolak ke sekolah	8.30 am	Masa bertugas
2.00 pm	Pulang dari sekolah Berkemas	9.30 am	Masa belajar
2.15 pm	Makan tengahari	10.30 am	Berkemas ke sekolah
2.45 pm	Masa rehat	11.15 am	Makan tengahari
3.30 pm	Masa bertugas	7.00 pm	Pulang dari sekolah
4.00 pm	Masa belajar		Mandi dan berkemas
5.00 pm	Masa minum teh	7.45 pm	Makan malam
5.30 pm	Masa permainan	8.30 pm	Masa belajar/tuisyen
6.30 pm	Mandi dan berkemas	10.00 pm	Sembahyang doa malam
7.00 pm	Sembahyang doa individu	10.30 pm	Lampu dipadamkan
7.30 pm	Makan malam		
8.30 pm	Masa belajar/tuisyen		
10.00pm	Sembahyang doa malam		
10.30pm	Lampu dipadamkan		

(ii) Penerangan mengenai kewangan

- Pada-pada sekolah seperti Sekolah Kebangsaan, sekolah swasta, sekolah-sukan dan sekolah
- Orang yang berpenghasilan
- Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti Jogathon, Perjalan Sulam, Festik Sulam, "Jingle Sale" dan sebagainya.

(ii) Jadual Waktu bagi Kanak-kanak yang belum bersekolah

(a) Seharian

7.30 am Bangun dan membersihkan diri

8.00 am Sembahyang doa pagi

9.30 am Sarapan

8.30 am Masa bertugas

9.30 am Masa belajar / bebas

11.00 am Masa permainan

12.00 noon Makan tengahari

1.30 pm Masa rehat

4.00 pm Tugasan rumah / Belajar

5.00 pm Masa minum teh

5.30 pm Masa permainan

6.30 pm Mandi dan berkemas

7.00 pm Sembahyang doa

7.30 pm Makan malam

8.00 pm Masa belajar

9.30 pm Sembahyang doa malam

10.00 pm Lampu dipadamkan

3.6 Kewangan Rumah Faith

(i) Punca-punca sumbangan kewangan

(a) Badan-badan sukarela seperti Kelab Rotary, gereja-gereja, syarikat-syarikat swasta

(b) Orang perseorangan

(c) Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti Jogathon, Majlis Makan, Festa Makan, 'Jumble Sale' dan sebagainya.

- (d) Melalui program penaajaan
- (e) Lain-lain

(ii) Perbelanjaan bulanan

Perbelanjaan bulanan Rumah Faith meningkat setiap bulan, selaras dengan pertambahan bilangan kanak-kanak yang diterima masuk. Kebanyakan daripada punca kewangan digunakan bagi membiayai perkara-perkara yang disenaraikan di bawah ini, iaitu :

(1) Pentadbiran

Gaji	\$ 3 500.00
Penyelenggaraan pejabat dan lain-lain kegunaan	\$ 1 000.00
(2) <u>Sewa ( 6 buah rumah )</u>	\$ 2 000.00
(3) <u>Makanan, pakaian biasa dan pakaian seragam</u>	\$ 3 000.00
(4) <u>Wang saku dan tambang bas</u>	\$ 1 000.00
(5) <u>Lain-lain</u>	\$ 500.00
	<hr/>
	\$ 11 000.00
	<hr/>

(iii) Punca-punca sumbangan bukan kewangan

Selain daripada sumbangan kewangan, Rumah Faith juga menerima sumbangan dalam bentuk barang dari individu-individu dan syarikat-syarikat. Seorang individu misalnya telah membiayai hantaran bekalan ayam sekali seminggu kepada Rumah Faith. Ada pula yang menjual sayur di pasar Kajang selalu menghantar bekalan sayur secara percuma kepada Rumah Faith.

Kanak-kanak di Rumah Faith juga kadang-kala menerima jemputan daripada berbagai pertubuhan atau restoran yang memberikan makanan secara percuma. Ada juga individu yang belanja mereka makan dari

semasa ke semasa bila menjelang hari perayaan seperti Hari Krismas.

3.7 Masalah-masalah yang dihadapi oleh Rumah Faith

(i) Masalah kewangan

Masalah yang paling utama ialah masalah kewangan. Sumber kewangan sebahagian besarnya adalah bergantung kepada badan-badan sukarela dan individu-individu yang kadang-kala tidak tetap. Sedikit kelambatan ini akan menyulitkan pengurusan Rumah Faith serta menjejaskan rancangan-rancangan pada masa akan datang.

(ii) Masalah kesesakan penghuni dalam setiap rumah

Seramai 58 kanak-kanak ditempatkan di dalam 3 buah rumah sewa.

Rumah lelaki terdapat 32 orang dan rumah perempuan pula terdapat 26 orang. Oleh kerana kekurangan ruang dalam setiap rumah, setiap bilik terpaksa diduduki oleh lebih kurang 6-8 orang. Masalah kesesakan ini mengakibatkan ketidakselesaan di kalangan kanak-kanak. Masalah ini diharap dapat diatasi dengan pembinaan bangunan yang lebih besar pada masa akan datang.

(iii) Masalah kekurangan kakitangan terlatih

Kebanyakan kanak-kanak yang tinggal di sini adalah mereka yang telah mengalami pengalaman pahit seperti mereka yang didera, ditinggalkan oleh keluarga dan telah melalui suatu perkembangan sosial yang kurang sihat. Kanak-kanak seperti ini amat memerlukan para kakitangan yang berkemahiran dalam cara pengendalian kanak-kanak dari aspek bimbingan, kaunseling dan sedikit pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak. Jika ada bantuan daripada kakitangan terlatih ini

mungkin kanak-kanak dapat dipulih dengan kehidupan normal dalam masa yang lebih singkat. Keupayaan untuk mengatasi tekanan psikologi dan emosi membolehkan kanak-kanak ini lebih bersedia untuk menghadapi masa depan mereka.

(iv) Masalah kanak-kanak lari dari Rumah Faith

Masalah dan tekanan emosi ke atas seorang kanak-kanak boleh menyebabkan seorang kanak-kanak ingin melarikan diri daripada segala benda yang merunsingkannya. Oleh kerana itu adakalanya berlaku kejadian kanak-kanak yang lari diri dari Rumah Faith. Walau bagaimanapun mereka yang larikan diri dapat dikesan dan ditempatkan semula dengan kerjasama polis.

3.8 Rancangan-rancangan masa depan

Beberapa rancangan telah dikenalpasti untuk dilaksanakan bagi melicinkan pengurusan Rumah Faith dan mengatasi masalah-masalah yang sedang wujud. Rancangan-rancangan ini, ada yang sudah dijalankan dan ada pula yang masih di dalam pertimbangan untuk dilaksanakan. Rancangan-rancangan masa depan Rumah Faith boleh dibahagikan kepada dua kategori utama secara amnya iaitu Rancangan Jangka Masa Pendek dan Rancangan Jangka Masa Panjang.

(i) Rancangan Jangka Masa Pendek

Oleh kerana pertambahan bilangan kanak-kanak yang menyebabkan masalah kesesakan, lebih banyak rumah harus disewakan bagi mengatasi masalah ini. Tambahan pula, masih ramai lagi kanak-kanak yang menunggu untuk tempat masuk ke Rumah Faith. Jadi, jika keadaan mendesak maka banyak lagi rumah perlu disewa bagi menampung mereka ini.

Aktiviti-aktiviti akan dipertambahkan lagi mengikut minat serta keperluan kanak-kanak supaya mereka akan berasa seronok tinggal di situ. Lebih banyak aktiviti-aktiviti di luar mungkin akan diadakan agar kanak-kanak tidak berasa bosan kerana sentiasa tinggal di rumah.

Bagi mengatasi masalah kewangan pula, lebih banyak aktiviti seperti jogathon, pesta makan dan konsert harus diadakan, terutamanya menjelang musim cuti sekolah. Kegiatan-kegiatan ini di samping dapat mengisi masa lapang kanak-kanak juga boleh mendapatkan sedikit sumbangan serta bantuan daripada badan-badan kebajikan dan individu.

(ii) Rancangan Jangka Masa Panjang

Rancangan jangka masa panjang yang paling utama sekarang ialah mengumpul wang sebanyak \$ 300,000.00 bagi pembinaan bangunan baru Rumah Faith di tanah seluas tiga setengah ekar yang telah dibeli di Semenyih. Pembinaan bangunan baru ini diharap dapat menampung 200 orang kanak-kanak dan memberikan lebih keselesaan kepada mereka. Di samping itu, memperkenalkan latihan kemahiran bagi penternakan, jahitan, mekanik motor, pertukangan kayu dan pertanian bagi kanak-kanak yang telah meninggalkan bangku sekolah.

Bagi meningkatkan taraf perkhidmatan kakitangan pula, pemilihan rapi harus dijalankan, sebaik-baiknya mereka yang mempunyai pengalaman serta sedikit pengetahuan tentang psikologi kanak-kanak, bimbingan dan kaunseling. Usaha boleh dijalankan oleh Rumah Faith bersama pertubuhan lain supaya dapat menghantar mereka untuk latihan dalam bentuk bengkel, seminar dan kursus. Buku-buku yang berkaitan juga boleh dibeli dan disimpan di Pejabat Rumah Faith untuk bacaan para kakitangannya.

Akibat daripada pertambahan penghuni di Rumah Faith, sebuah bas mini amat diperlukan untuk menghantar mereka ke sekolah. Seramai 51 daripada 58 kanak-kanak adalah bersekolah. Buat masa kini mereka dihantar ke sekolah dengan bas sekolah yang perlu dibayar perkhidmatannya setiap bulan. Selain daripada keperluan bas bagi menghantar mereka ke sekolah, ia juga diperlukan bagi menghantar ke tempat-tempat tertentu untuk aktiviti-aktiviti luar.

Selain daripada Rumah Faith yang ada sekarang bagi kanak-kanak tidak bernasib baik, cadangan juga dikemukakan bagi mengadakan Rumah Orang Tua, Rumah Kanak-Kanak Buta dan Rumah Untuk Janda. Rumah-rumah seperti Rumah Faith ini sedang dalam pertimbangan untuk diadakannya di negeri-negeri lain di Malaysia.

- 4.4 Penekaluan mengilang sanusi dan matlamat
- 4.5 Penggalaman pendidikan Rumah Faith
- 4.6 Projekti Rumah Faith
- 4.7 Perhubungan

#### **4.0 Penganalisaan Rumah Faith sebagai sebuah institusi**

Andaikan anak di dalam masyarakat penyelidik adalah ciri-ciri sosial dan institusi membentuk peribadi dan tingkah laku individu. Ibu berlakuk melalui proses sosialisasi. Proses sosialisasi melibatkan aktiviti-aktiviti pembelajaran sosial melalui pengajar-an anak dan latihan, pengetahuan bahasa serta pembela jurus penerapan sosial dan norma-norma sosial.

Malah kepada peringkat yang lebih tinggi pada mulanya sosialisasi anak adalah orientasi sosial dan kelebihan yang lebih besar daripada keluarga serta siran-siranya tetapi kemudian ia berkaitan dengan

#### **BAB EMPAT**

4.0 Penganalisaan Rumah Faith sebagai sebuah institusi manusia yang paling ideal untuk mendidik dan mengajar dalam bahasa sendiri

4.1 Penganalisaan penghuni di Rumah Faith

4.2 Pengelasan penghuni mengikut kategori tertentu

4.3 Kajian-kajian kes terhadap penghuni di Rumah Faith

4.4 Pengelasan mengikut bangsa dan jantina

4.5 Penganalisaan persekitaran Rumah Faith

4.6 Penjagaan fizikal kanak-kanak

4.7 Perhubungan luar

Rumah Faith dianggap sebagai sebuah institusi manusia yang bertindak sebagai gantian bagi kanak-kanak yang kurang berasih sahaja ini. Penjagaan gantian (substitute care) adalah dimaksudkan bagi suatu jangka masa yang pendek kerana setiap anak dipersayai akan diberikan sebuah keluarga lehal dengan kasih sayang kepada ibubapa binologikal mereka, dijadikan anak angkat oleh saudara-saudara, disorakan kepada penjaga yang tak atau tiba-tiba penjagaan jangkaan panjang yang dititahungkan.

Rumah Faith dianggap sebagai sebuah institusi manusia kerana ia menunjukkan ciri-ciri yang sama seperti yang dicirikan oleh Goffman. Di antara ciri-ciri yang seckitaran adalah seperti berikut :

#### 4.0 Penganalisaan Rumah Faith sebagai sebuah institusi

---

Andaian asas di dalam analisis penyelidik adalah nilai-nilai sosial dan institusi membentuk peribadi dan tingkah laku individu. Ini berlaku melalui proses sosialisasi. Proses sosialisasi melibatkan corak-corak pembelajaran sosial melalui penjagaan anak dan latihan, pencapaian bahasa serta pembelajaran peranan sosial dan norma-norma moral.

Melihat kepada peringkat yang lebih luas, pada mulanya sosialisasi anak adalah orientasi sosial di dalam dunia yang lebih kecil iaitu keluarga serta jiran-jirannya tetapi kemudian ia berhubung dengan masyarakat yang lebih luas. Keluarga mungkin merupakan unit yang paling ideal untuk mendidik anak dan memberikan panduan dalam langkah awal ke arah penyertaan di dalam kehidupan sosial yang lebih luas. Walau bagaimanapun akan terdapat sebahagian daripada masyarakat yang kehilangan panduan daripada keluarga mungkin kerana ibubapa kandung tidak berupaya atau tidak ingin memelihara mereka. Sebaliknya diperlukan institusi lain sebagai pengganti unit keluarga. Oleh itu tempat kajian yang dipilih oleh penyelidik iaitu Rumah Faith telah dianggap sebagai sebuah institusi sepenuhnya yang bertindak sebagai penjaga gantian bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik ini. Penjagaan gantian (substitute care) adalah dimaksudkan bagi suatu jangkamasa yang pendek kerana setiap anak dipercayai akan diberikan sebuah keluarga kekal dengan kembali kepada ibubapa biologikal mereka, dijadikan anak angkat oleh saudara-mara, diserahkan kepada penjaga yang sah atau penjagaan jangkamasa panjang yang dirancangkan.

Rumah Faith dianggap sebagai sebuah institusi sepenuhnya kerana ia menunjukkan ciri-ciri yang sama seperti yang disyaratkan oleh Goffman. Di antara ciri-ciri yang terlibat adalah seperti berikut :

- (i) Kehadiran diwajibkan.
- (ii) Waktu tidur, kehidupan domestik, rekreasi dan kerja semuanya berlaku di dalam lingkungan sempadan-sempadan suatu lokasi yang terhad keluasannya dan berdasarkan kepada suatu pelan yang direka bagi mencapai matlamat-matlamat organisasi.
- (iii) Organisasi institusi tidak dapat dibandingkan dengan corak-corak asas kehidupan di dalam masyarakat keseluruhannya, terutamanya di dalam kehidupan keluarga. Fungsi bekerja di dalam organisasi ini untuk mempertukarkan perkhidmatan.
- (iv) Terdapat suatu pemisahan asas antara penghuni dengan kakitangan yang berkuasa dengan tidak ada kemungkinan bagi seorang penghuni bergerak kepada kedudukan yang berkuasa itu. Jarak sosial dikekalkan antara penghuni dengan kakitangan.
- (v) Terdapat suatu penghapusan sistematik nilai-nilai budaya lama dan cuba diperkenalkan budaya yang baru kepada penghuni.
- (vi) Sistem itu cuba mengorganisasi semula nilai dan sikap-sikap penghuni terhadap suatu gambaran baru tentang dunia melalui ganjaran dan hukuman.

Oleh yang demikian, Rumah Faith sebagai sebuah institusi, juga boleh dianggap sebagai sebuah organisasi yang membentuk sosialisasi melalui sistem kekuasaannya, peraturan-peraturan, cara pengurusan yang rasional dan berdasarkan beberapa objektif yang terhad. Maka organisasi Rumah Faith juga merupakan sebagai suatu sistem sosial yang kecil di mana pergerakan dan akibat sosialisasi boleh dilihat dengan jelas.

#### 4.1 Penganalisaan Penghuni di Rumah Faith

Mengikut prinsip institusi dalam penjagaan kanak-kanak adalah sepatutnya merupakan suatu tempat sementara dan tidak dirancangkan sehingga anak itu dewasa sepenuhnya. Di antara kumpulan-kumpulan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan institusi adalah seperti berikut : (5)

- (i) kanak-kanak yang ibubapa mereka menghadapi penyakit atau kecederaan serius dan terpaksa meninggalkan rumah mereka, atau ibubapa yang rasa terancam oleh suatu penempatan anak mereka di dalam keluarga lain.
- (ii) kanak-kanak yang mengalami kekacauan, tekanan-tekanan atau penceraian di dalam keluarganya dan menjadi begitu sukar diatasi sehingga mereka tidak boleh tinggal di dalam keluarga sendiri dan juga tidak boleh membina perhubungan beremosi dengan keluarga angkat.
- (iii) kanak-kanak yang telah begitu teruk dikecewakan atau diseksa oleh keluarga angkat sehingga mereka tidak sesuai lagi untuk menjadi sebahagian daripada keluarga baru.
- (iv) kanak-kanak yang menghadapi masalah-masalah kesihatan atau tingkah laku yang mana mereka tidak dapat diterima oleh keluarga angkat dan memerlukan pemerhatian dan panduan serta rawatan perubatan atau psikiatrik di dalam suatu suasana yang terkawal.
- (v) keluarga besar yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan anak yang tidak mahu dipisahkan, yang mana jika dihantar ke keluarga angkat, mereka akan diasing-asingkan.

(5) Helen R. Hagan, " Foster Care of Children " Social Work Year Book (1957) ,p.p 267-274

- (vi) kanak-kanak yang lebih dewasa dan belia yang mlarikan diri dari keluarga sendiri dan juga cenderung untuk berbuat demikian di dalam keluarga angkat.
- (vii) belia-belia bagi sebab-sebab tertentu yang menimbul daripada keluarga, memerlukan hanya penjagaan jangka pendek dan akan lebih berfaedah daripada pengalaman di dalam kehidupan berkumpulan semasa jangkamasa tersebut.

Penempatan seorang anak di dalam sebuah institusi biasanya lebih mudah diterima oleh ibubapa daripada menempatkan anak di dalam sebuah keluarga angkat. Ini adalah kerana ia tidak mengancam sosial prestig mereka di dalam komuniti, di mana sering dianggap penempatan kanak-kanak di keluarga angkat menunjukkan suatu kegagalan bagi ibubapa. Rawatan berkesan di dalam sesebuah institusi juga memerlukan kanak-kanak menerima suatu suasana seperti di dalam rumah, yang mesra di dalam suatu kumpulan kecil dan pemeriksaan perubatan serta perkhidmatan kajian kes yang terlatih. Adalah juga diperlukan kemudahan-kemudahan pendidikan, rekreasi dan vokasional yang bermutu tinggi serta segala kerja di dalam institusi yang menumpu kepada perkembangan kanak-kanak menjadi ahli-ahli yang berguna dan bahagia di dalam komuniti. Di dalam keadaan begini, institusi boleh menjaga kanak-kanak dengan lebih berjaya daripada di dalam keluarga mereka sendiri atau keluarga angkat.

#### 4.2 Pengkelasan Penghuni Mengikut Kategori Tertentu

Kajian yang dijalankan di Rumah Faith menunjukkan penghuni yang paling ramai terdiri daripada kanak-kanak yang berasal dari keluarga yang tidak bahagia (*broken homes*) di mana kanak-kanak menghadapi tekanan-


tekanan, perpisahan serta pelbagai masalah di dalam keluarga mereka sendiri. Jumlah mereka terdiri daripada 76 % jumlah keseluruhan penghuni di Rumah Faith. Manakala selebihnya 24 % pula adalah terdiri daripada kanak-kanak yang telah kehilangan bapa kerana meninggal dunia. Mereka yang datangnya dari keluarga tidak bahagia boleh dipecahkan lagi kepada kategori yang lebih kecil iaitu mereka yang dianiyai, diabaikan, ibubapa berpisah dan ibubapa di penjara.

Pembahagian kanak-kanak kepada kategori-kategori lain boleh dilihat dengan jelas dalam Jadual I dan Rajah I seperti berikut :

Jadual I : Jadual menunjukkan pengkelasaran penghuni mengikut kategori tertentu

Kategori Besar	Kategori-Kategori Kecil	Bilangan	Peratusan
Kehilangan bapa kerana meninggal dunia	-	14	24
Keluarga tidak bahagia (Broken Homes)	Penganiayaan anak Pengabaian anak Ibubapa berpisah Ibubapa di penjara	18 10 15 1	31 17 26 2
Jumlah keseluruhan penghuni	-	58	100

Rajah I : Histogram menunjukkan pengelasan penghuni mengikut kategori tertentu



#### 4.3 Kajian-kajian kes terhadap penghuni di Rumah Faith

Dalam mengumpul data pengelasan penghuni mengikut kategori seperti di dalam Jadual I dan Rajah I, penyelidik telah menemubual beberapa responden dan 5 kajian kes yang berlainan didapati untuk mewakili setiap kategori yang tersebut.

Kajian kes yang dilakukan pada bahagian ini adalah sebahagian besar yang lain. Ia cari menggantung faktor Jenis kelamin dan bahagian-bahagian tertentu yang perlu dipercayai dan mendukung.

(i) Kategori anak kehilangan bapa kerana meninggal dunia

Bala, seorang budak lelaki berumur 12 tahun telah tinggal di Rumah Faith selama 2 tahun. Bapanya seorang kelindan lori, meninggal dunia akibat kemalangan di jalanraya. Pada waktu itu, Bala hanya berumur 7 tahun. Kejadian ini menyebabkannya berasa sedih dan amat takut untuk menghadapi masa depannya sebagai seorang anak yatim. Oleh kerana sumber rezeki utama penyaraan keluarga telah terputus dengan pemergian mendiang ayahnya maka ibunya terpaksa bekerja menyara keluarga. Kemudian, empat daripada enam orang anak terpaksa dihantar ke Rumah Faith kerana tidak mempunyai masa dan sumber kewangan yang kukuh untuk menyara keenam-enam orang anak.

(ii) Kategori penganiayaan anak

Jennifer sekarang berumur 15 tahun, berasal dari keluarga yang terdiri dari enam orang adik-beradik. Ibunya seorang surirumah dan bapanya pemandu teksi. Penderaan ke atas diri Jennifer telah dilakukan oleh ibu kandungnya sendiri, sejak Jennifer berumur 3 tahun lagi. Penderaan dilakukan hampir setiap hari iaitu lebih kurang lima kali sehari atau kadang-kala lebih dari itu. Ibunya akan menggunakan apa sahaja alatan yang dicapainya seperti rotan dan jarum. Kejadian ini berlaku kerana mengikut kepercayaan ibubapanya tersendiri yang tidak suka akan kehadiran Jennifer di dalam keluarga mereka. Akhirnya perbuatan penderaan diketahui oleh jirannya, lalu melaporkan kes kepada pihak kebajikan, yang kemudiannya merujuk Jennifer ke Rumah Faith. Sehingga ke hari ini kesan luka yang ada masih jelas kelihatan pada bahagian tangan, kaki serta bahagian badan yang lain. Ia sering menghantui fikiran Jennifer dan kadang-kalanya berasa hina terhadap diri dan ibubapanya.

(iii) Kategori pengabaian anak

Arumugam berasal dari Ipoh, Perak dihantar ke Rumah Faith pada umur 11 tahun. Kini, beliau sudah berumur 17 tahun dan telah tinggal di Rumah Faith selama enam tahun. Arumugam datang dari sebuah keluarga yang sangat miskin di mana keadaan rumahnya teruk sekali dan tiada langsung bekalan elektrik. Bapanya bekerja sebagai pemandu kereta manakala ibunya pula tidak bekerja. Arumugam adalah anak bongsu daripada enam orang adik-beradiknya. Masalah timbul bila bapanya mula ketagih arak dan tidak lagi memberikan perbelanjaan yang cukup bagi penyaraan keluarga. Arumugam bersama seorang lagi abangnya telah dihubungi dengan Rumah Faith melalui seorang pendita di gereja Ipoh. Kini, Arumugam lebih gemar tinggal di Rumah Faith daripada rumah sendiri kerana segala perbelanjaan persekolahan ditanggung oleh Rumah Faith dan ini memberikan peluang untuknya bagi melanjutkan pelajaran.

(iv) Kategori ibubapa berpisah

Linda, berumur 17 tahun masih di dalam tingkatan 3 setelah dua kali gagal dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Linda berasal dari Rawang, Selangor, merupakan anak sulung kepada lima orang adik-beradik. Ibunya kerja menoreh getah dan bapanya seorang penjaga. Linda telah tinggal di Rumah Faith selama lima tahun, setelah dihantar ke Rumah Faith oleh bapa saudaranya ketika umurnya 12 tahun. Punca masalah adalah daripada bapanya yang ketagih dadah dan tidak menjalankan tanggungjawabnya menyara keluarga. Ibu dan bapa Linda telah lama berpisah sebelum Linda bersekolah lagi. Kini, bapanya telah berkahwin semula. Akibatnya Linda sentiasa berasa kecewa terhadap ibubapanya.

(v) Kategori ibubapa dipenjara

Ibu dan bapa Tan dipenjarakan kerana kesalahan memiliki dadah. Pada masa itu Tan hanya berumur 6 tahun sahaja. Pada masa muda begini di mana Tan sangat memerlukan kasih sayang dan tunjukajar, ibu dan bapanya sudah tiada di sisinya. Keadaan ini telah menjadikan Tan seorang anak yang bermasalah. Beliau hidup tidak tentu arah, sering ponteng sekolah dan tidak menghiraukan apa yang berlaku di sekelilingnya. Tan dihantar ke Rumah Faith oleh emak saudaranya pada ketika umurnya 9 tahun. Kini sudah selama satu tahun Tan berada di Rumah Faith, beliau masih tidak suka tinggal di situ kerana segala aktiviti ditentukan, mengikuti peraturan dan disiplin.

4.4 Pengelasan mengikut bangsa dan jantina

Kajian seterusnya mendapati bahawa kebanyakan penghuni di Rumah Faith adalah terdiri dari bangsa India iaitu sebanyak 76 % dan bangsa Cina hanya 24 % sahaja. Tiada bangsa Melayu didapati di sini kerana Rumah Faith merupakan sebuah pertubuhan sukarela di bawah penyeliaan gereja Kristian. Begitu juga kakitangan pengurusan Rumah Faith 100 % adalah terdiri dari bangsa India.


Sementara itu, kadar penghuni antara lelaki kepada perempuan adalah hampir seimbang iaitu 1 : 0.8 . Pengelasan mengikut bangsa dan jantina boleh dilihat dengan jelas dalam Jadual II dan Rajah II seperti di mukasurat sebelah.

Jadual II : Jadual menunjukkan pengelasan penghuni mengikut bangsa dan jantina


Kategori	Bangsa \ Jantina	Bilangan	Peratusan
Bangsa	India	44	76
	Cina	14	24
Jumlah keseluruhan	-	58	100
Jantina	Lelaki	32	55
	Perempuan	26	45
Jumlah keseluruhan	-	58	100

Rajah II : Carta pai menunjukkan pengelasan penghuni mengikut bangsa dan jantina

Pengelasan mengikut bangsa



Pengelasan mengikut jantina



#### 4.5 Penganalisaan persekitaran Rumah Faith

Untuk melihat samada rumah kebajikan Faith ini memberikan kanak-kanak suatu keadaan di mana mereka boleh berkembang secara rohani dan fizikal serta membentuk tingkahlaku sosial yang tetap, iaitu di mana seorang kanak-kanak berdasarkan umurnya boleh membentuk suatu kesedaran kepada peluang dan tanggungjawab di dalam kehidupan normal dalam komuniti, bukti yang dilihat diperolehi daripada pemerhatian. Pemerhatian yang dilakukan adalah sejauh mana yang dapat diperhatikan seperti berikut :

- (i) pemerhatian ke atas kanak-kanak dan pembincangan dengan kanak-kanak ini, kadang-kadang dengan kumpulan dan kerap kali dengan individu-individu semasa kehadiran kakitangan penjaga mereka atau tanpa kehadirannya.
- (ii) pemerhatian ke atas sikap-sikap ahli kakitangan dalam memperlihatkan cara dan pandangan mereka sendiri, semasa berhubungan dengan kanak-kanak.
- (iii) pemerhatian ke atas keadaan-keadaan secara umum di mana kanak-kanak tinggal iaitu ke atas persekitaran kanak-kanak misalnya perhatian peribadi yang mungkin didapati oleh kanak-kanak dengan adanya bilangan kakitangan yang ramai, ruang, keselesaan dan daya tarikan bilik di mana kanak-kanak tidur, bermain dan makan.

Pemerhatian kepada persekitaran Rumah Faith mendapati bahawa bilik-bilik tidur kanak-kanak adalah secara dormitori di mana beberapa kanak-kanak terpaksa mengkongsi satu bilik yang besar. Kekurangan ruang juga menyebabkan kesemua katil yang digunakan adalah katil bertingkat serta jarak antara sebuah katil dengan katil yang lain letaknya hanya dua hingga tiga kaki jauhnya. Manakala sebuah almari besar terletak di penjuru bilik terpaksa dikongsi bersama oleh kesemua kanak-kanak di

dalam bilik tersebut.

Di Rumah Lelaki dan Perempuan lebih kurang sama di mana terdapat sebuah bilik makan dan sebuah bilik tamu. Bilik makan agak sempit dengan adanya sebuah meja besar yang panjang dan bangku panjang di mana kanak-kanak duduk berbaris merasa makanan yang disediakan oleh seorang tukang masak. Di bilik tamu pula ruangnya kelihatan lebih lapang kerana tidak banyak perabot diletakkan di sini, melainkan sebuah meja dan kerusi bagi kakitangan bertugas serta beberapa buah kerusi dan dua atau tiga buah sofa lama untuk tetamu.

Walau bagaimanapun tidak ada bilik permainan serta alat permainan yang banyak bagi kanak-kanak di sini. Yang ada cuma taman di luar rumah bagi permainan bola, badminton dan kejar-mengejar. Selain daripada itu terdapat dua buaian dan tiang untuk memanjat yang hanya terdapat di kawasan Rumah Lelaki. Hanya pada hari hujan bila kanak-kanak tidak dapat keluar bermain di taman, barulah mereka dibenarkan menonton televisyen. Kanak-kanak perempuan yang masih kecil bermain sesama diri mereka sendiri dan kadang-kala bermain masak-memasak.

Satu daripada kekurangan di tempat ini adalah tiada perpustakaan di mana kanak-kanak boleh digalakkan untuk membaca buku. Tanpa perpustakaan dan juga alat-alat permainan yang banyak, kanak-kanak tidak dapat membayangkan suatu kehidupan yang lebih luas dan berimajinasi. Pemilikan adalah sesuatu yang awam, dipunyai oleh ramai dan kerosakan terhadap buku-buku dan alat permainan yang selalu terjadi mungkin menyebabkan kakitangan tidak dapat menumpu perhatian kepada minat seorang individu sahaja atau menggalakkan minat dan bakat individu itu.

Binatang peliharaan tidak mudah dikendalikan. Di sini terdapat dua buah akuarium untuk pemeliharaan ikan, sebuah sangkar besar untuk burung-burung merpati dan seekor anjing peliharaan. Kesemua kerja

penjagaan binatang pemeliharaan dilakukan oleh kanak-kanak yang lebih dewasa. Kanak-kanak yang ditugaskan menjaga binatang peliharaan ini mempunyai tanggungjawab memastikan makan, minum dan kebersihan binatang peliharaannya.

#### 4.6 Penjagaan fizikal kanak-kanak

Rumah Faith hanya mempunyai 8 orang kakitangan yang ditugaskan untuk menjaga kesemua 58 orang kanak-kanak. Ini bermakna kadar seorang kakitangan kepada kanak-kanak adalah 1 : 8 dan kakitangan ini pula bertugas mengikut giliran. Dengan lain perkataan, masa dan perhatian kakitangan kepada kanak-kanak di sini adalah terhad.

Begitulah, kanak-kanak kelihatan gembira semasa waktu minum petang dan waktu permainan tetapi cara pakaian mereka agak selekeh dan mereka berkejar-kejaran, bermain bersama satu sama lain tanpa memakai kasut atau selipar. Hanya bila ada lawatan dari pelawat asing atau hendak membuat lawatan ke luar, baru kanak-kanak dikehendaki memakai pakaian mereka yang paling kemas.

Demikian juga keadaan bilik tidur agak lapuk di mana bila hujan lebat turun, air mula menitis dari celah-celah bumbung rumah yang bocor ke atas lantai bilik dan kain-kain buruk terpaksa dilemparkan di atas lantai untuk mengeringkannya.

#### 4.7 Perhubungan luar

Kanak-kanak seringkali juga dibawa keluar untuk berhubung dengan masyarakat luar dan kerapkali juga pelawat-pelawat yang datang dari luar samada saudara-mara atau dari pertubuhan sukarela. Lebih banyak aktiviti diadakan bila menjelang cuti persekolahan.


Pelawat-pelawat yang datang ke Rumah Faith merupakan satu sebab bagi kegembiraan kanak-kanak. Mereka akan mengerumuni pelawat, mengkehendakkan perhatian dari pelawat, menunjukkan seolah-olah mereka tidak mempunyai kasih sayang sehari-hari seperti kasih ibu di kalangan kakitangan yang menjaganya. Begitulah keadaannya semasa penyelidik melawat pertama kali ke Rumah Perempuan, kanak-kanak ini menerpa ke arah penyelidik, menarik tangan dan baju penyelidik dan yang masih kecil pula memeluk kuat kepada penyelidik. Keadaan ini terjadi kerana terdapat terlalu ramai kanak-kanak dan kekurangan kakitangan untuk berurusan secara peribadi dengan kanak-kanak di situ.



- (a) Gambar menunjukkan bahagian luar kawasan Rumah Faith



(b) Gambar menunjukkan bahagian ruang tamu Rumah Faith



(c) Gambar menunjukkan bahagian bilik tidur Rumah Faith



- (d) Gambar menunjukkan kanak-kanak bermain di buaian



- (e) Gambar menunjukkan kanak-kanak bermain di tiang

## 5.0 Tahap perkembangan perihodi individu dan sosialisasi

Dalam memahami proses sosialisasi, di sini akan membincangkan tentang pengaruh Rumah Faith terhadap perkembangannya dan klasifikasi usia, pengaruh Rumah Faith juga ditakrifkan berdasarkan pada tahap perkembangan perihodi seorang individu. Dengan itu, rumah-rumah yang tinggal di Rumah Faith berusia dari 3 hingga 17 tahun, boleh dibahagikan kepada tiga kategori besar iaitu :-(i) kanak-kanak pra-sekolah ( 3 ~ 6 tahun )  
(ii) kanak-kanak bersekolah ( 7 ~ 12 tahun )  
(iii) belia ( 13 ~ 17 tahun )

### BAB LIMA

Jadual III dan Rajah III di bawah memandukkan dengan lebih jelas pengklasian 5.0 Tahap perkembangan individu dan sosialisasi disebut di atas.

#### 5.1 Pengaruh daripada sosialisasi keluarga

#### 5.2 Lanjutan sosialisasi di Rumah Faith

Jadual III Jadual ini menunjukkan jumlah kanak-kanak yang tinggal di Rumah Faith

#### 5.3 Cara-cara sosialisasi di Rumah Faith

##### I Sosialisasi oleh pihak pengurusan Rumah Faith

##### II Sosialisasi sesama kanak-kanak di Rumah Faith

Kategori Umur	Jumlah	Persentase
Kanak-kanak pra-sekolah ( 3 ~ 6 tahun )	6	10
Kanak-kanak bersekolah ( 7 ~ 12 tahun )	36	62
Belia ( 13 ~ 17 tahun )	16	28
Jumlah keseluruhan	58	100

## 5.0 Tahap perkembangan peribadi individu dan sosialisasi


Di dalam memahami proses sosialisasi, di mana nilai sosial dan institusi Rumah Faith membentuk peribadi dan tingkah laku individu, penganalisaan juga dilakukan ke atas tahap perkembangan peribadi seorang individu. Dengan itu, kanak-kanak yang tinggal di Rumah Faith berumur dari 5 hingga 17 tahun, boleh dibahagikan kepada tiga kategori besar iaitu (i) kanak-kanak pra-sekolah (3 - 6 tahun) (ii) kanak-kanak bersekolah (7 - 12 tahun) (iii) belia (13 - 20 tahun)

Jadual III dan Rajah III di bawah menunjukkan dengan lebih jelas pengelasan kanak-kanak mengikut kategori umur seperti yang disebut di atas.

Jadual III : Jadual menunjukkan pengelasan mengikut umur kanak-kanak

Kategori Umur	Bilangan	Peratusan
Kanak-kanak pra-sekolah (3 - 6 tahun)	6	10
Kanak-kanak bersekolah (7 - 12 tahun)	36	62
Belia (13 - 20 tahun)	16	28
Jumlah keseluruhan	58	100

Rajah III : Carta palang menunjukkan pengelasan mengikut umur kanak-kanak



Seterusnya untuk melihat perkembangan peribadi individu, beberapa penjelasan oleh Havighurst dan Erikson telah disusun dalam Jadual IV di mukasurat sebelah supaya perbandingan antara umur kanak-kanak dengan tahap perkembangan peribadi individu dapat difahami dengan lebih jelas sebelum penganalisaan lanjut dibuat dalam melihat proses sosialisasi.

- Perkembangan kognitif dan programan diri berkaitan tingkah laku
- Pengalaman pengalaman-pengalaman sosial dan perkembangan sosial
- Pengembangan sosial-sosial

Jadual IV : Jadual menunjukkan peringkat-peringkat perkembangan peribadi dari umur kanak-kanak pra-sekolah sehingga ke umur belia

Kategori Umur	Perkembangan Tanggung jawab	Perkembangan Peribadi - Sosial
	(Havighurst)	(Erikson)
PRA SEKOLAH 3 - 6 tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>- Mempelajari peraturan budaya dan jangkaan-jangkaan</li><li>- Mempelajari tentang apa yang betul dan apa yang salah</li><li>- Mempelajari tentang peranan seks</li><li>- Menghubungkan secara emosi kepada ahli-ahli keluarga dan kemudian kepada orang lain seperti saudara-mara dan kawan-kawan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Keperluan untuk menyesuaikan diri kepada peraturan dalam cara membawa diri, pakaian, tingkah laku dan timbul keinginan untuk tahu</li><li>- Menerima kesedaran tentang betul dan salah yang mengawal tingkah lakunya</li></ul>
BERSEKOLAH 7 - 12 tahun	<ul style="list-style-type: none"><li>- Berhubungan dengan guru-guru dan orang-orang yang tidak dikenali</li><li>- Mencapai kebebasan di dalam famili</li><li>- Bertemu dengan jangkaan-jangkaan kawan-kawan dan kumpulan referensi</li><li>- Berkembangnya kesedaran dan pengawalan diri terhadap tingkah laku</li><li>- Mengatasi jangkaan-jangkaan peranan seks dan tekanan-tekanan luaran</li><li>- Memperkembangkan toleransi-frustrasi</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Menghadapi dan bertemu dengan jangkaan-jangkaan famili, kawan-kawan dan sekolah</li><li>- Membawa kesukaan dalam mempelajari kemahiran-kemahiran</li><li>- Menghadapi frustrasi dan kegagalan</li></ul>

Kategori	Perkembangan Tanggungjawab ( Havighurst )	Perkembangan Peribadi - Sosial ( Erikson )
Umur		
BELIA 13 - 20 tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyesuaikan perubahan-perubahan tubuh badan dan emosi baru</li> <li>- Mencapai kebebasan secara beransur-ansur daripada orang dewasa</li> <li>- Menyoalkan nilai-nilai lama dan mengekalkannya atau mencari yang baru</li> <li>- Mencapai perhubungan peribadi yang rapat dan lebih sulit</li> <li>- Akhirnya memilih kawan, pekerjaan dan falsafah hidup</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keperluan untuk menyoal nilai-nilai lama tanpa rasa takut atau kehilangan identiti</li> <li>- Keperluan untuk mencapai secara beransur-ansur tujuan dan identiti yang baru serta lebih matang</li> <li>- Keperluan untuk mempelajari mengkongsi kemesraan tanpa halangan atau takut, mencari jalan bagi perhubungan peribadi yang memuaskan</li> </ul>

Jadual IV di atas menunjukkan secara amnya perkembangan peribadi mengikut peringkat umur bagi setiap individu yang normal. Perkembangan peribadi dibentuk melalui sosialisasi khususnya sosialisasi oleh keluarga dari masa bayi hingga peringkat awal umur kanak-kanak dan kemudian diikuti oleh sosialisasi dalam organisasi bagi umur selanjutnya dalam kes kajian ini. Walau bagaimanapun kanak-kanak di Rumah Faith didapati menyertai institusi ini pada peringkat umur yang berlainan bagi setiap individu. Yang paling muda adalah berumur tiga tahun dan yang lain kebanyakannya dihantar ke Rumah Faith pada peringkat umur persekolahan. Daripada Jadual III dan Rajah III menunjukkan mereka yang berada pada peringkat persekolahan adalah sebanyak 62 % .

(i) Kanak-kanak pra-sekolah

Berdasarkan penerangan Havighurst dalam Jadual IV, seorang kanak-kanak mula berhubungan dengan orang dewasa yang tidak dikenali bila dia mula memasuki alam persekolahan iaitu dari umur 7 hingga 12 tahun. Tetapi di dalam kes kajian yang dijalankan menunjukkan 10 % daripada keseluruhan kanak-kanak di Rumah Faith (rujuk Jadual III, Rajah III) adalah berumur 3 hingga 6 tahun telah pun melalui pengalaman ini sebelum memasuki alam persekolahan lagi. Golongan kanak-kanak ini bukan sahaja terpaksa menyesuaikan diri kepada keadaan kehidupan secara berkumpulan tetapi perkembangan peribadi mereka adalah lebih melanjut daripada seorang kanak-kanak biasa.

Pada peringkat ini juga sosialisasi institusi Rumah Faith telah pun bertindak sebagai gantian sosialisasi keluarga kerana pada tahap ini mengikut penerangan Erikson, kanak-kanak sedang mempelajari pelbagai jangkaan dan peraturan dalam membawa diri mereka, cara berpakaian, cara bertingkah laku dan timbulnya keinginan untuk tahu di dalam diri kanak-kanak.

(ii) Kanak-kanak bersekolah

Bila kanak-kanak daripada zaman persekolahan dimasukkan ke Rumah Faith hendaklah diingatkan bahawa kanak-kanak ini telah melalui sosialisasi keluarga bagi suatu jangkamasa tertentu. Oleh kerana itu seringkali kumpulan kanak-kanak ini akan menghadapi konflik bila jangkaan-jangkaan yang dipelajari dari keluarga tidak sepadan dengan jangkaan-jangkaan yang didapati di Rumah Faith.

Pada tahap ini juga menurut Havighurst dan Erikson, perkembangan peribadi kanak-kanak adalah bersifat toleransi-frustrasi. Jika toleransi berjaya, maka seorang kanak-kanak akan dengan lebih mudah menerima dan

menyesuaikan diri dalam kehidupan di Rumah Faith. Tetapi jika sebaliknya, kanak-kanak tidak berjaya menyesuaikan dirinya, akan timbul perasaan frustrasi di mana ini menyebabkan berlakunya kes kanak-kanak melarikan diri dari Rumah Faith.

(iii) Belia

Pada peringkat ini, golongan belia adalah lebih matang dan mula memikirkan tentang tujuan dan identitinya. Mereka yang terdiri daripada golongan belia dihantar ke Rumah Faith, semuanya pada umur tidak melebihi 15 tahun dan biasanya meninggalkan Rumah Faith setelah tamat tingkatan 5 iaitu selepas umur 17 tahun atau lebih.

Walaupun kumpulan belia ini semakin mencapai kebebasan untuk diri mereka tetapi mereka masih belum berupaya lagi untuk membentuk kehidupan sendiri. Oleh itu, walaupun tidak suka tinggal dalam keadaan berkumpulan begini, mereka tetap bersabar sehingga mencapai umur kedewasaan yang membolehkan mereka mencari pekerjaan dan seterusnya membebaskan diri daripada pergantungan ke atas Rumah Faith.

#### 5.1 Pengaruh daripada sosialisasi keluarga

Daripada semua bentuk pengaruh ke atas sosialisasi, keluarga merupakan penentu asas dan utama bagi perkembangan peribadi. (6)

Pada peringkat bayi ini menurut Erikson pula adalah sangat bergantung kepada penjaganya bagi penjagaan yang baik terutama dalam memberikannya

(6) George Kaluger and Charles M. Unkovic, Psychology and Sociology,

The C.V. Mosby Co., 1969.

makanan dan minuman. Ia termasuk juga latihan menggunakan tandas dan penyesuaian kepada permintaan-permintaan sosialisasi.

Keluarga adalah kumpulan utama. Daripada sosialisasi di dalam keluarga seseorang bayi yang membesar sedar kepada perhubungannya dengan orang lain dan berkembang di dalam dirinya perasaan " we-feeling " dengan ahli-ahli lain dalam kumpulan tertentu. Di dalam keluarga dan melalui keluarga seorang individu memperolehi dan mengorganisasi pengalamannya kerana setiap keluarga mempunyai sifat tingkahlaku, kepercayaan dan minat-minat yang tertentu. Oleh itu, dalam melihat proses sosialisasi, seseorang itu harus terlebih dahulu memahami peranan keluarga di dalam kehidupan seorang anak terutama kanak-kanak pra-sekolah. Ini adalah kerana bila kanak-kanak memasuki sekolah ataupun organisasi seperti Rumah Faith dalam kajian ini, kanak-kanak tersebut telah mencapai pembelajaran terhadap corak-corak sosial dan telah memperkembangkan suatu personaliti tertentu serta mempunyai pengetahuan, sikap dan tabiat yang boleh mempengaruhi keseluruhan penyesuaianya pada masa hadapan.

Seperti apa yang dikatakan oleh Brown<sup>(7)</sup> takat di mana individu menunjukkan kemesraan dan kesefahaman atau dingin dan pendiam dalam hubungannya dengan orang lain adalah sebahagian besarnya hasil daripada dicerakkan oleh keluarga. Di dalam keluarga di mana terdapat perasaan kasih sayang yang ikhlas dan sihat, kanak-kanak berkecenderungan membentuk peribadi yang mesra, yang dibayangkan bukan sahaja dalam keluarganya tetapi juga perhubungan luar keluarga. Sebaliknya jika kasih sayang ditahan dan tidak ditunjukkan, asas yang dibentuk pada kanak-kanak adalah sikap yang lebih pentingkan perasaan sendiri daripada orang lain

(7) Francis J. Brown, Sociology of Childhood, Prentice Hall, 1969.

dan sikap ini sering dibawa bersama dalam perhubungannya dengan orang lain bila dewasa.

Oleh kerana keluarga merupakan kumpulan utama sosialisasi anak, maka latar belakang kanak-kanak harus diperhatikan sebelum melihat proses sosialisasi kanak-kanak di Rumah Faith.

Kajian di Rumah Faith mendapati bahawa kanak-kanak di sana boleh dibahagikan kepada dua kategori besar seperti yang dinyatakan dalam Jadual I dan Rajah I, iaitu

- (i) kumpulan kanak-kanak yang kehilangan bapa kerana meninggal dunia
- (ii) kumpulan kanak-kanak yang berasal dari keluarga tidak bahagia (broken homes). Mereka ini termasuklah
  - (a) kanak-kanak yang dianiyai
  - (b) kanak-kanak yang diabai
  - (c) kanak-kanak yang ibubapa telah berpisah
  - (d) kanak-kanak yang ibubapa telah dipenjara

Bagi kumpulan kanak-kanak yang telah kehilangan bapa kerana kemalangan, di dalam keluarganya biasanya ibu akan mengambil alih tugas menjaga anak-anak. Ibu terpaksa memegang peranan kedua-dua ibu dan bapa dan seringkali menyebabkan tekanan yang berat ke atas ibu. Ketidaaan sokongan daripada bapa menyebabkan tekanan ke atas ibu dari segi keperluan ekonomi, keperluan untuk perhubungan intim dan kepuasan kehidupan seksnya yang terbatas dalam aktiviti sosial dan rekreasi serta perhubungannya dengan orang dewasa yang lain. Oleh yang demikian, bagaimana seorang ibu mengatasi tekanan-tekanan ini mempunyai kesan ke atas perkembangan seorang anak.

Bagi golongan kanak-kanak yang berasal dari keluarga tidak bahagia pula, mereka sebenarnya boleh dirujuk sebagai ketidakupayaan agen-agen dewasa sosialisasi iaitu kegagalan ibubapa mereka dalam memberi secukupnya perhatian kepada anak-anak mereka. Bowbly ( 1953 ) melihat kepada masalah-

masalah yang anak terpaksa menghadapi akibat dari pengabaian ibubapa dan kualiti penjagaan yang teruk dalam keluarga anak tersebut. Istilah " maternal deprivation " digunakan untuk menjelaskan sebab-sebab kepada masalah anak-anak ini. Kajian di dalam kumpulan-kumpulan besar di mana anak-anak ini dibesarkan di rumah-rumah kebajikan memperlihatkan masalah-masalah yang timbul sebagai akibat kekurangan peluang untuk menjalin perhubungan kasih sayang dan kekurangan suatu persekitaran yang mendorongnya memberi kasih sayang. Oleh itu, pelbagai permasalahan yang dilihat di Rumah Faith seperti masalah pergaduhan, kedegilan, ponteng sekolah dan masalah mlarikan diri boleh dihubung-kaitkan dengan kekurangan dorongan dan kekecewaan kasih sayang. Kanak-kanak ini yang sebenarnya mengalami " maternal deprivation " boleh menjadi akibat utama ketidaktentuan sosial, emosi dan intelektual.

### 5.2 Lanjutan sosialisasi di Rumah Faith

Anak-anak daripada berbagai latar belakang ini setelah mendapat sosialisasi dari keluarga samada sosialisasi separuh jalan, yang berjaya atau yang tidak berjaya telah dihantar ke Rumah Faith bagi meneruskan proses sosialisasi selanjutnya. Organisasi Rumah Faith menyesuaikan idea-idea yang dipersetujui, sikap dan tingkahlaku di dalam diri seorang kanak-kanak supaya seorang kanak-kanak dapat bersaing dalam organisasi tersebut. Fungsi pengajaran ini adalah ketara di dalam sistem organisasi yang berkuasa di mana ia menggalakkan ahli-ahlinya untuk menerima keesahan dan rasionalitinya.

Peribadi adalah akibat utama daripada interaksi sosial lebih daripada dorongan biologikal. Di dalam organisasi seperti Rumah Faith interaksi sosial seperti ini berlaku di dalam konteks berstruktur tinggi

Seorang anak terpaksa menanggung ganjaran dan hukuman di khalayak ramai. Dia juga terpaksa memuaskan kedua-dua pihak penonton iaitu penjaganya dan rakan-rakan penghuni yang lain. Seorang anak juga terpaksa bekerjasama bagi mendapatkan kebenaran dan bukannya mencapai melalui tipu helah. Kelakuan dan juga pencapaian akademiknya adalah sentiasa diadili. Kanak-kanak akan lambat-laun mempelajari bahawa mereka yang berkelakuan baik mempunyai masa yang senang. Daripada penilaian kanak-kanak secara di khalayak ramai, seorang anak akan mempelajari bagaimana menurut perintah atau sekurang-kurangnya bagaimana untuk bersetuju. Permainan di mana orang bermain memperdayakan satu sama lain mungkin pertama kali dipelajari di dalam Rumah Faith.

(iii) Ketidaksamaan kuasa

Ketidaksamaan kuasa adalah suatu faktor di dalam kehidupan organisasi. Walau bagaimana susah seorang penjaga cuba menjalin hubungan mesra dengan kanak-kanak di Rumah Faith, perhubungan mereka dengan setiap individu adalah tidak setara. Berbanding dengan kehidupan di dalam keluarga, kehidupan di dalam organisasi melibatkan interaksi dengan orang yang secara relatif tidak dikenali dan memegang kuasa muktamad. Kuasa ini digunakan untuk menguatkuasakan dan mengajar menepati masa, memberi sepenuh minat, bersedia untuk bertindakbalas kepada arahan dan sekurang-kurangnya mewujudkan persetujuan di antara mereka. Oleh itu, kehidupan di dalam Rumah Faith sendiri merupakan suatu kawalan ke atas kebebasan anak. Bila berada di dalam organisasi ini mereka perlu mempelajari yang setengah-setengah perkara, kepatuhan perlu dikuatkuasakan. Sekali lagi satu-satunya cara untuk mempertahankan diri mereka adalah menerima hakikat bahawa mereka tidak berkuasa dan mengikut bermain bersama dengan penjaga mereka. Oleh itu, organisasi Rumah Faith boleh merupakan kawasan di mana anak-anak pertama kali mempelajari penyerahan diri, terutama

bagi kanak-kanak pra-sekolah. Dengan itu sikap kepatuhan dan ketaatan boleh menjadi suatu persediaan yang baik bagi kehidupan dalam organisasi yang lain.

Tambahan kepada tiga aspek yang tersebut di atas, kanak-kanak juga perlu melalui tahap di mana mereka mempelajari tentang penjagaan diri sendiri dan persaingan. Kanak-kanak yang dimasukkan ke Rumah Faith samada kanak-kanak bersekolah mahupun kanak-kanak pra-sekolah terpaksa hidup secara berdikari menjaga keperluan masing-masing. Tidak ada lagi ibubapa di sisi yang akan sentiasa memastikan segala keperluannya dan tidak lagi seperti di dalam keluarga, kanak-kanak ini mempunyai tempat untuk bermanja. Perkara ini akan hanya dialami oleh kanak-kanak yang telah kehilangan bapa, yang sebelum ini mempunyai sebuah keluarga yang bahagia. Bagi kanak-kanak dari keluarga tidak bahagia, keadaan ini bukan lagi merupakan perkara yang baru. Sebaliknya hidup secara berdikari di sini mungkin didapati lebih menyenangkan daripada hidup di dalam keluarga sendiri.

Walau bagaimanapun, setiap kanak-kanak yang berada di Rumah Faith terpaksa mempelajari bagaimana untuk mengambil bahagian di dalam suatu "persaingan". Persaingan yang dimaksudkan adalah persaingan untuk mendapat perhatian dan kasih sayang supaya mereka tidak berasa ketinggalan dan terpisah daripada kanak-kanak lain. Cubaan untuk menarik perhatian orang lain terhadapnya adalah usaha untuk memenuhi keperluan kasih sayangnya. Walaupun semua kanak-kanak adalah digolong sebagai kanak-kanak kurang bernasib baik tetapi masing-masing daripada latar belakang yang berbeza. Perbandingan antara satu sama lain berlaku dan digunakan sebagai strategi dalam persaingan antara kanak-kanak sendiri. Kadang-kadang dalam perbandingan sebegini, ia menyebabkan seorang kanak-kanak

itu berasa " inferior " dan malu terhadap latar belakang keluarganya. Maka untuk mengatasi masalah ini, kanak-kanak akan berusaha sedaya upaya menonjolkan dirinya yang terbaik dari lain segi seperti cara berpakaian dan berkelakuan, lebih-lebih lagi bila adanya pelawat yang datang mengunjungi. Secara tidak langsung " front stage " telah dilahirkan dan direka-reka sehingga tidak sama dengan " back stage " seorang kanak-kanak. Keadaan ini diperkuuhkan dengan adanya galakan daripada pihak pengurusan Rumah Faith yang lebih menyenangi dengan tindakan kanak-kanak ini.

### 5.3 Cara-cara sosialisasi dijalankan di Rumah Faith

Di dalam sosialisasi seorang anak atau mana-mana ahli baru di dalam sesebuah kumpulan, individu akan mempelajari untuk melihat objek-objek yang relevan di dalam rangka rujukan. Dia terpaksa membuat demikian supaya dapat berkomunikasi dengan orang lain tentang objek-objek yang penting dan dengan itu mendapat apa yang dia hendak. Ini berlaku di dalam dua cara, iaitu

- (i) persepsi individu-individu diperbetulkan bila mereka berbeza daripada persepsi-persepsi yang diterima.
- (ii) individu didedahkan hanya kepada rangka yang dikongsi bersama sebagai rujukan di dalam kumpulan itu. Oleh itu, individu mempelajari untuk melihat dunia di dalam suatu cara yang dikongsi bersama dengan orang lain di sekelilingnya.

Secara umumnya sosialisasi di Rumah Faith boleh dibahagikan kepada dua iaitu :: I sosialisasi oleh pihak pengurusan Rumah Faith II sosialisasi sesama kanak-kanak di Rumah Faith

## I Sosialisasi oleh pihak pengurusan Rumah Faith

Sosialisasi oleh pihak pengurusan Rumah Faith pula boleh dilihat dalam tiga bentuk yang berlainan iaitu :

- (a) sosialisasi menggunakan ganjaran dan hukuman
- (b) sosialisasi menggunakan penarikan sokongan
- (c) sosialisasi menggunakan " ritual "

### (a) Sosialisasi menggunakan ganjaran dan hukuman

Menurut William Mc Dougall, perkembangan moral adalah dilihat dalam tiga peringkat. Peringkat pertama adalah melihat bagaimana tingkahlaku seseorang itu dikawal dengan rasa takut terhadap hukuman. Peringkat kedua pula, tingkahlaku dikawal dengan pujian dan celaan sosial dan peringkat akhir pula ialah tingkahlaku seseorang dan kesedaran penilaian diri bergantung kepada pengekalan prinsip-prinsip moral yang abstrak.

Suatu perasaan ketakutan ditanamkan di dalam diri kanak-kanak dalam cara untuk membawa kepada kepatuhan dan disiplin. Cara sedemikian untuk menakutkan kanak-kanak sebenarnya bukanlah suatu perkara yang baik untuk selalu dilakukan kerana jika diteliti ia mungkin membawa kepada pembentukan peribadi seorang kanak-kanak yang bersifat penakut. Oleh kerana bilangan kanak-kanak di Rumah Faith adalah ramai dan perhatian tidak dapat ditumpukan kepada seorang kanak-kanak sahaja maka untuk mengawal kanak-kanak ini, penjaga terpaksa menanamkan perasaan takut dalam kanak-kanak kepada seorang yang berkuasa dalam menjalankan hukuman. Oleh itu seringkali seorang penjaga perempuan akan menggunakan ungkapan seperti ini, " Awak tidak mahu dengar, nanti saya beritahu " pastor " dan dia akan memukul awak. " Cara ancaman dan amaran begini berjalan dengan mudah dalam mengawal tingkahlaku kanak-kanak.

Lain-lain teknik yang digunakan adalah pemukulan secara fisikal, mengenakan denda melakukan tugas rumah, kurungan daripada bermain, menghadkan lawatan dan aktiviti luar. Cara-cara ini memastikan yang tingkahlaku betul sahaja diberikan ganjaran dan tingkahlaku yang tidak betul diberikan hukuman.

(b) Sosialisasi menggunakan penarikan sokongan dan perhatian

Kadang-kadang kanak-kanak adalah sebegitu nakal dan degil sehingga penjaga sengaja tidak memperdulikan permintaan kanak-kanak yang keterlaluan ini. Penarikan perhatian atau sokongan terhadap kanak-kanak boleh dilihat sebagai teknik yang paling berkesan.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak menunjukkan suatu kesedaran tentang keyakinan terhadap perikatan perhubungan antara dirinya dengan pihak penjaganya, ketika dia melarikan diri bila dimarahi atau dipukul. Kanak-kanak yang melarikan diri ini percaya kelakuannya akan menyebabkan kerisauan di dalam pihak pengurusan Rumah Faith dan ia dapat mengembalikan semula sokongan yang telah hilang sementara waktu sebagai akibat daripada perlanggaran perintah tadi. Kepercayaan ini diperteguhkan bila pihak pengurusan Rumah Faith mencari dan membawanya pulang kembali.

Walau bagaimanapun, ancaman untuk menarik balik sokongan mungkin menyebabkan ketakutan yang amat besar di dalam diri kanak-kanak tentang kemungkinan hilang tempat bergantung setelah menyedari dirinya tidak mempunyai tempat tinggal di dalam keluarga.

(c) Sosialisasi menggunakan " ritual "

Sesuatu " ritual " bukan sahaja merupakan corak tingkahlaku yang ditentukan tetapi diulang-ulangkan dalam suatu cara yang difikirkan betul dan tetap oleh mereka yang terlibat. Ia bukan sahaja membina

kelakuan tentang perasaan betul dan salah berkenaan dengan tindakan yang terlibat. Durkheim (1912) melihat "ritual" sebagai suatu aspek penting sosialisasi. Faedah yang paling jelas bagi kehidupan "ritual" di dalam kumpulan ialah individu-individu berasa lebih rapat di antara satu sama lain kerana akibat daripada tindakan yang sama.

Tetapi, aspek sosialisasi datangnya daripada kombinasi disiplin dan tradisi yang terlibat. Bila individu terlibat di dalam proses perulangan, secara emosinya dia dibebankan dan aktivitinya dihadkan. Dia akan mempelajari bagaimana untuk menerima paksaan dan mempelajari cara-cara dalam kumpulan itu. Tetapi di dalam mempelajari budaya ini, "ritual" boleh membawa kepada pembaharuan tindakan. Struktur realiti ditunjukkan dan dikombinasikan dengan perasaan kesejahteraan dan kemesraan di kalangan individu yang terlibat, ia menjadi alat yang berkuasa untuk mengajar cara-cara lama kepada pendatang baru.

Di dalam penjagaan di Rumah Faith, tindakan-tindakan sehari-hari boleh menjadi "ritualized", khususnya semasa hendak mengajar kanak-kanak tentang kemahiran baru dengan secepat yang mungkin. Masa makan, masa tidur, masa bangun, masa untuk berdoa dan pergi ke gereja dalam aktiviti sehari-hari, sebenarnya bukan sahaja penting kepada kanak-kanak tetapi pembelajaran dalam keadaan yang secara berulangan ini berjaya membina suatu gambaran tentang dunia mereka.

## II Sosialisasi sesama kanak-kanak di Rumah Faith

Ahli-ahli di dalam kumpulan seperti di Rumah Faith mengkongsi cara-cara melihat dunia dalam cara yang sama, di mana individu lakukan di dalam proses sosialisasi. Rangka-rangka yang dikongsi sebagai rujukan, diistilahkan sebagai norma. Norma kumpulan termasuklah

- (i) rangka rujukan di dalam suatu pandangan tentang objek yang diberikan

- (ii) menetapkan sikap atau tingkahlaku yang betul terhadap objek tertentu
- (iii) melibatkan perasaan terhadap kebetulan atau kekudusan sikap-sikap dan mengenai perlanggaran norma-norma
- (iv) hukuman positif dan negatif di mana tingkahlaku yang betul diberi ganjaran atau tingkahlaku yang tidak betul dihukum

Norma adalah wujud bagi seorang individu dan mempengaruhi tingkah-lakunya kepada takat di mana dia akan percaya orang lain secara relevan memegang norma-norma itu. Norma adalah istilah umum bagi sikap-sikap kumpulan. Oleh kerana kanak-kanak hidup dalam cara berkumpulan, jangkaan peranan adalah merupakan sub-kelas norma yang sangat penting. Ia adalah merupakan norma-norma tentang bagaimana ahli-ahli kumpulan harus bertingkahlaku di antara satu sama lain. Kumpulan akan membentuk norma yang mana ahli-ahli kumpulan mengkongsi bersama kepercayaan dan perasaan tentang banyak perkara seperti nilai-nilai asas, makanan, pakaian, perhubungan antara manusia dengan Tuhan dan benda-benda lain.


Pembelajaran terhadap norma ini boleh dipelajari oleh kanak-kanak melalui imitasi atau peniruan. Sebaik sahaja seorang anak mempunyai kebolehan untuk meniru yang lain, dia akan melakukannya secara sukarela tanpa diperlukan ganjaran atau "reinforcement" daripada luar. Dia boleh mempelajari tingkahlaku yang belum pernah dia tunjukkan. Pada masa yang sama, dia mungkin juga menggunakan teknik ini untuk mempengaruhi tingkahlaku orang lain.

Bukan sahaja imitasi berlaku di kalangan kanak-kanak tetapi juga antara kanak-kanak dengan penjaganya. Kebolehan seorang anak untuk mempelajari melalui pemerhatian boleh mengakibatkan seorang dewasa secara tidak sengaja mengajar mereka suatu corak tingkahlaku yang

sebenarnya tidak ingin diajarkan kepada kanak-kanak. Misalnya penggunaan hukuman pada setiap kali percubaan untuk melatih seorang anak dengan memukulnya adalah mewujudkan suatu gambaran kepada kanak-kanak tentang penggunaan agresif. Begitu juga penggunaan gula-gula sebagai hadiah kepada seorang anak bagi tingkahlaku yang baik mungkin mengajarnya tentang faedah yang boleh diperolehi sebagai suatu cara untuk mengawal yang lain. Dalam proses ini, seorang anak itu tidak meniru bulat-bulat segala aspek tingkahlaku model tetapi menyesuaikannya kepada pola kedudukannya sendiri. Misalnya seorang anak yang selalu dipukul di rumah adalah mungkin lebih suka menumbuk kanak-kanak lain dan tidak memukulnya dengan selipar atau benda-benda lain.


Seorang kanak-kanak yang berusia dua tahun sahaja sudah bersedia untuk aktiviti-aktiviti bersama dengan rakan sebaya. Oleh kerana kanak-kanak daripada umur yang berlainan tinggal bersama di Rumah Faith, kanak-kanak bukan sahaja bermain dengan kawan sebaya tetapi juga kawan yang lebih tua atau yang lebih muda. Dalam permainan antara kanak-kanak mereka boleh menunjukkan suatu kebolehan untuk bermain secara bekerjasama dan membentuk perhubungan-perhubungan. Sosialisasi di antara kanak-kanak ini menyebabkan kanak-kanak sensitif terhadap penilaian orang lain ke atas diri mereka dan samada seorang itu disukai dan diterima dalam kumpulan sepermainan adalah berdasarkan kepada penilaian antara ahli-ahli kumpulan itu.

## 6.0 Kesimpulan proses sosialisasi yang dilalui oleh seorang anak di rumah kebajikan




### 6.0 Kesimpulan proses sosialisasi yang dilalui oleh seorang anak di rumah kebajikan

- 6.1 Keluarga, rumah kebajikan, kawan-kawan, sekolah dan komuniti sebagai agensi sosialisasi utama
- 6.2 Cara sosialisasi yang berjaya



Rajah 17 : Rajah menunjukkan proses sosialisasi yang berjaya dilalui oleh seorang pengajar di rumah kebajikan

## 6.0 Kesimpulan proses sosialisasi yang dilalui oleh seorang anak di rumah kebajikan



Rajah IV : Rajah menunjukkan proses sosialisasi yang berjaya dilalui

oleh seorang penghuni di rumah kebajikan

Sosialisasi adalah proses di mana sebuah masyarakat melatih anak-anak mereka untuk berkelakuan seperti orang dewasa ( Baldwin, 1968 ). Rajah IV menunjukkan berbagai komponen di mana jika proses ini berjaya akan menghasilkan seorang yang serba berkebolehan secara sosial. Ia melibatkan sekurang-kurangnya lima set agen dan agensi dalam membentuk peribadi seorang anak melalui proses sosialisasi, iaitu

- (i) Keluarga sebagai agensi dan ibubapa sebagai agen sosialisasi.
- (ii) Kumpulan kawan-kawan sebagai agensi dan kawan-kawan sebagai agen sosialisasi.
- (iii) Sekolah sebagai agensi dan guru-guru sebagai agen sosialisasi.
- (iv) Rumah kebajikan sebagai agensi dan kakitangan penjaga sebagai agen sosialisasi.
- (v) Komuniti sebagai agensi dan ahli-ahli komuniti, media massa dan kuasa-kuasa budaya sebagai agen sosialisasi.

Matlamat akhir sosialisasi adalah untuk melahirkan seorang individu yang berkemahiran, berpengetahuan dan dapat berfungsi di dalam masyarakat. Berkebolehan secara sosial adalah bermakna berkebolehan secara efektif berinteraksi dengan persekitarannya iaitu secara sosial dan fizikal. Untuk berfungsi secara efektif dalam masyarakat, seseorang itu mesti memperolehi suatu lingkungan luas kemahiran, pengetahuan dan kedudukan. Kunci kepada pemilikan kemahiran, pengetahuan dan kedudukan ini adalah melalui proses pembelajaran sosial.

Corak-corak perhubungan yang berlainan di antara ibubapa dengan anak, interaksi di kalangan kawan-kawan, interaksi antara guru dengan pelajar dan interaksi antara kakitangan penjaga dengan anak-anak semuanya wujud sebagai penentu secara langsung atau tidak langsung untuk memperolehi kemahiran dan pengetahuan. Keberkesanan proses sosialisasi boleh dinilai

berdasarkan kebolehan seseorang dalam berfungsi di dalam berbagai peranan sosial iaitu berkebolehan secara sosial. Berkebolehan ini melibatkan pelaksanaan peranan secara efektif dalam cara bagaimana masyarakat mendefinisikan kebolehannya. Berkebolehan di dalam bentuk kemahiran tertentu mungkin dinilai dalam sebuah masyarakat dan tidak begitu dalam masyarakat lain. Misalnya kebolehan untuk melempar tombak secara tepat mungkin merupakan suatu kemahiran yang diperlukan dalam masyarakat primitif tetapi tidak mempunyai nilai dalam masyarakat kita. Sebaliknya kebolehan memandu kereta pula mungkin merupakan keperluan di dalam masyarakat kita tetapi tidak relevan dalam masyarakat primitif.

#### 6.1 Keluarga, rumah kebajikan, kawan-kawan, sekolah dan komuniti sebagai agensi sosialisasi utama

##### (i) Keluarga

Keluarga, sebuah agensi mengambil peranan terbesar sebagai suatu agen sosialisasi iaitu satu proses di mana bayi itu dilengkapi dan disediakan untuk peranannya dalam masyarakat kelak. Ini dilakukan dengan cara-cara asuhan, didikan dan pelajaran disemadikan sejak ia mula dilahirkan. Melalui interaksi dengan ahli-ahli keluarga, ia dapat memberi pengajaran yang langsung dalam mengajar kanak-kanak segala kemahiran, moral, norma adat resam dan kebudayaan masyarakat. Oleh kerana beban tanggungjawab di atas keluarga bagi mensosialisasikan anak amat penting maka pembelajaran sosial adalah dijangka memerlukan suatu usaha untuk merancangkannya, tetapi biasanya pembelajaran sosial berlaku secara kebetulan sahaja tanpa perancangan.

Di antara perkara yang diperhatikan dalam keluarga sebagai sebuah agensi sosialisasi ialah

##### (i) Tahap kemesraan dan kasih sayang ibubapa kepada anak-anak akan

mempengaruhi peribadi mereka.

- (ii) Keadaan sosio-ekonomi di dalam rumah tangga ternyata mempunyai kesan terhadap peribadi seseorang itu. Jika ibubapa sering bertelingkah atau bergaduh, anak-anak tidak akan mempunyai fikiran yang tenang tetapi akan selalu resah dan gelisah.
- (iii) Keadaan sosio-ekonomi ibubapa adalah sangat mempengaruhi corak peribadi seseorang itu. Jika ibubapa mempunyai kedudukan atau status yang tinggi di dalam masyarakat, peribadi seseorang itu akan terpengaruh dengan suasana keluarganya sendiri. Keadaan ekonomi akan menentukan corak hidup sebuah keluarga, umpamanya jika makanan dan pakaian mencukupi dan sempurna akan dapat mempengaruhi fikiran dan keadaan hidup kanak-kanak.
- (iv) Kedudukan dan taraf anak-anak di dalam keluarga amatlah penting. Sudah tentu layanan yang diterima oleh anak kandung, anak tiri dan anak angkat berbeza-beza antara satu sama lain.
- (v) Jantina di kalangan adik-beradik juga mempunyai makna dengan peribadi seseorang. Anak perempuan dan anak lelaki sudah tentu mendapat layanan yang berlainan dari ibubapa. Begitu juga peranan yang dimainkan oleh mereka di dalam keluarga.

Keluarga yang bahagia itu adalah matlamat yang " ideal " tetapi sebagaimana " ideal " sekalipun, sengketa itu tetap berlaku. Keluarga tanpa sengketa adalah sebuah keluarga " mati " dalam hidupnya dan ianya tidak wujud. Keluarga bermasalah (problem families) terdiri dari keluarga-keluarga yang tidak menunaikan tanggungjawab untuk sosialisasi anak-anak mereka mengikut kehendak nilai-nilai masyarakat serta berbagai-bagai institusi. Terdapat dua jenis kanak-kanak yang suka mengambil tindakan yang tidak sesuai akibat mempunyai keluarga yang sering berbalah atau

bertelingkah iaitu

(a) mereka yang terlalu agresif dan periang

Sifat-sifat agresif itu ditunjukkan dalam perangainya yang suka memberontak terhadap disiplin atau membuli rakan-rakan yang lain.

(b) mereka yang memendam rasa (repressed) atau pengecut (nervous)

Dalam hal ini, takut dan cemas itu menjadi keterlaluan dan mereka juga sering kelihatan letih-lesu.

Terlalu sangat berbohong boleh dilihat dalam perangai dan cara agresif. Ia menentang kuasa (authority) dan yang pengecut pula timbul perasaan takut kerana kesalahan yang dilakukannya ketara akan didenda atau dipukul. Faktor-faktor alam sekeliling yang menyebabkan semua ini berlaku. Ia adalah kerana perpecahan rumah tangga yang melibatkan perpisahan, kematian, penceraian dan pemabuk. Anak-anak mungkin tidak mendapat kasih sayang ibu atau ibubapa terlampau memberi manja dan terlalu dikawal serta dikenakan disiplin yang sangat keras atau sebaliknya keluarga yang tidak memperdulikan langsung disiplin dan tatatertib.

(iii) Rumah kebaikan

Jika gejala-gejala perpecahan ini tidak diperdulikan oleh masyarakat, ia mungkin membawa kepada masalah sosial seperti budak-budak nakal, pelacuran, pengangguran, penagih dadah, tahi judi, pertelingkahan yang semuanya menjaskankan perjalanan atau fungsi-fungsi masyarakat. Demi menjaga masyarakat yang sentiasa berubah ini, maka ia mesti mempunyai kawalan sosial supaya perjalanan sosial tidak terganggu. Kawalan yang berkesan atau efektif akan mengakibatkan kepada perubahan yang diakui dan dibenarkan. Institusi sosial seperti Rumah Kebajikan Faith ini adalah satu daripada perkhidmatan yang diberikan kepada mereka yang berkeperluan dan berkehendakkan pertolongan. Tanpanya mungkin mereka akan mengalami

kesulitan-kesulitan.

Keperluan oleh kanak-kanak kurang berasib baik ini adalah suatu kediaman atau sesuatu penggantian yang baik bagi sebuah rumah iaitu " substitute home ". Jika sebuah " substitute home " diberikan kepada seorang anak, apa yang didapatinya daripada sebuah kediaman yang baik adalah ia perlu memenuhi

- (i) kasih sayang dan minat peribadi iaitu memahami kekurangannya, mengambil berat tentang masa depannya, menghormati personalitinya, dan mempertimbangkan penghargaan dirinya.
- (ii) ketetapan di dalam perasaan yang dia jangka akan kekal dalam mereka yang terus menjaganya sehingga dia bersedia untuk menyertai masyarakat luar.
- (iii) peluang dalam menunjukkan kebolehan dan bakatnya yang terbaik walau apa sekalipun seperti mana seorang anak mendapat peluang-peluang ini di dalam sebuah keluarga yang normal.
- (iv) suatu pengkongsian kehidupan yang biasa oleh sekumpulan kecil orang di dalam suasana kekeluargaan.

Setengah daripada keperluan-keperluan ini adalah dibekalkan oleh keluarga kanak-kanak itu sendiri. Bagi mereka yang kurang berasib baik, ia merupakan suatu tanggungjawab yang serius dalam menghantar anak untuk dijaga di tempat lain tanpa jaminan bahawa mereka akan dibekalkan dengan sempurna dalam keadaan-keadaan persekitaran yang baru. Seboleh-bolehnya adalah lebih baik menjauhkan dari penjagaan institusi. Sebab utama ialah institusi begini memerlukan anak-anak menyesuaikan diri kepada suatu bilangan kanak-kanak yang ramai, pengajar-pengajar, ahli-ahli kakitangan institusi di mana suasana sekeliling tidak langsung seperti di rumah sendiri. Kanak-kanak menjadi " institutionalized " sehingga

mereka hilang personaliti mereka dalam mengikut peraturan-peraturan yang ketat dan mereka tidak mempunyai peluang langsung untuk memperkembangkan keindividuan, fikiran fizikal dan kebolehan kreativiti mereka dan cenderung pula menjadi patuh serta bosan terhadap penjagaan institusi.

Kehidupan di dalam sebuah institusi menjadikan sistem tertentu sesuatu yang diperlukan, yang seringkali menghadkan perhubungan peribadi dengan kumpulan kakitangan dan kanak-kanak lain. Dengan mudah ia menghalang perkembangan inisiatif di dalam diri seorang anak. Bagaimanapun kanak-kanak di dalam institusi yang moden ditawarkan dengan suatu peluang untuk pengalaman dalam kehidupan kumpulan yang tersusun dengan penjagaan fizikal biasa, suatu sajian pemakanan yang sihat, suatu suasana bersifat persahabatan, menarik, mempunyai pengajar-pengajar yang terlatih dan bantuan perubatan (seringkali psikiatrik) serta perkhidmatan pekerja sosial yang terlatih. Institusi kanak-kanak yang moden cuba mengatasi masalah yang mana kanak-kanak mengalami kebosanan dan terpaksa tinggal di dalam dormitori dengan mendirikan pelan " rumah kecil ". Institusi ini diagihkan kuasa kepada sebilangan rumah kecil, biasanya didiami oleh sekumpulan kanak-kanak yang lebih kecil bilangannya. Ini adalah supaya kanak-kanak akan merasakan diri mereka lebih berada di rumah sendiri.

(iii) Kawan-kawan

Selain daripada keluarga dan rumah kebajikan, penghuni juga mempunyai rakan sebaya serta kawan-kawan lain yang juga memperlihatkan pengaruh ketara di dalam pembentukan peribadi kanak-kanak. Mereka seringkali bercampur di dalam kumpulan-kumpulan yang mengikuti kehendak-kehendak dan nilai-nilai yang terdapat dalam kumpulan sebaya agar mereka diterima oleh kumpulan tersebut.

Bila seseorang menjadi penghuni di institusi kebajikan biasanya

ia memperlihatkan pengalaman hidup yang berbeza daripada hidup di rumah sendiri. Perbezaan yang paling ketara sekali ialah kehidupan di institusi adalah kehidupan secara berkumpulan dengan sebilangan kanak-kanak yang ramai. Kumpulan kawan-kawan ini adalah berlainan daripada agensi keluarga dan mempunyai fungsi yang berlainan dalam mensosialisasikan seorang anak.

Di antara fungsi-fungsi yang terlibat ialah

- (i) memberikan seorang anak pengalaman dalam jenis perhubungan yang sama kedudukan (egalitarian)
- (ii) mengajarkan perkara "taboo" dan pantang larang
- (iii) memperluaskan pemandangan seorang anak
- (iv) menggalakkan perkembangan "independence", tidak tergantung kepada orang lain.
- (v) membantu dalam membina identiti dan konsep diri seorang anak
- (vi) memberikan peluang bagi kehidupan berkumpulan

Seandainya kanak-kanak yang baik dibiarkan bercampur dengan kumpulan kanak-kanak yang jahat, mereka juga akhirnya akan terikut-ikut melakukan perbuatan-perbuatan jahat seperti menipu, mencuri, merosakkan harta awam dan seumpamanya supaya benar-benar menjadi kumpulan sebaya yang mereka anggotai. Kanak-kanak juga menghayati sifat-sifat seperti kepimpinan, bertimbang rasa dan bekerjasama dengan rakan sebaya mereka. Rakan sebaya juga memainkan peranan yang penting untuk membentuk konsep diri, sikap dan pandangan seseorang terhadap dirinya sendiri, samada dirinya dihargai atau tidak di mata kumpulan atau masyarakat sekeliling. Kemasukan atau penolakan daripada kumpulan kawan-kawan ini biasanya ditentukan oleh kebolehan mempelajari norma-norma dan di dalam menerima nilai-nilai kumpulan kawan-kawannya. Nilai dan norma ini mempunyai pengaruh yang kuat ke atas tingkah laku, sikap dan personaliti seorang anak.

(iv) Sekolah

Kanak-kanak yang bersekolah menghabiskan masanya 25 % setiap hari di sekolah. Sudah tentulah sekolah dan guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi seorang kanak-kanak. Melalui peraturan dan undang-undang sekolah pula kanak-kanak dilatih untuk bertingkah laku mengikut disiplin. Aktiviti-aktiviti persatuan, sukan dan kelab-kelab menambah pengalaman murid di mana ini membantu penyuburan peribadi mereka. Memang tidak dapat dinafikan yang peribadi guru juga memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi murid-murid. Oleh yang demikian, guru-guru haruslah berwaspada dengan tingkah laku mereka kerana mereka dianggap sebagai model untuk ditiru oleh murid-murid.

(v) Komuniti

Komuniti yang hidup secara disiplin, aman damai dan sejahtera akan melahirkan peribadi positif. Ini kerana kanak-kanak suka menuruti dan mengikuti apa yang dilakukan oleh ahli-ahli masyarakat sekeliling. Sekiranya keadaan sebaliknya kanak-kanak juga turut terlibat.

6.2 Cara sosialisasi yang berjaya

Samada proses sosialisasi berjaya dalam membentuk peribadi kanak-kanak yang positif bergantung kepada cara atau pola didikan yang diterima oleh seseorang itu. Terdapat pada amnya tiga cara didikan yang disyorkan oleh Baldwin (1968) iaitu (i) cara demokrasi  
(ii) cara otokrasi  
(iii) pendidikan bebas (*laissez-faire*)

(i) Cara demokrasi

Kanak-kanak yang dididik dengan didikan demokrasi akan lebih mudah bergaul, mempunyai rasa ingin tahu yang kuat, mudah didampingi, peramah, mesra dengan rakan sebaya dan memperlihatkan kreativiti dan semangat membina.

Terdapat enam ciri yang boleh dilihat dalam didikan demokrasi ini

- iaitu (a) Kanak-kanak dianggap sebagai kanak-kanak. Mereka dilayani sebagai kanak-kanak dan bukan sebagai orang dewasa. Mereka diberi peluang bertanya dan menyuarakan pandangan serta pendapat mereka. Perkara yang didapati tidak sesuai dan mendatangkan mudarat dibincangkan dengan cara yang difahami oleh kanak-kanak dan tidak pula digertak atau ditakut-takutkan.
- (b) Pendidikan secara demokrasi ini memerlukan hubungan yang mesra di antara anak-anak dengan penjaganya. Sekiranya hubungan ini terputus, maka pendidikan secara demokrasi tidak akan dapat berjalan dengan berkesan.
- (c) Kanak-kanak diberikan suasana penerimaan, mereka akan mendapat kasih sayang yang mencukupi dan selalu mendapat galakan dari penjaganya.
- (d) Terdapat peraturan-peraturan tertentu di dalam aktiviti harian di mana anak-anak merasai diri mereka diberikan kasih sayang dan perlindungan.
- (e) Kanak-kanak digalakkan untuk menjalankan tanggungjawab dan mendapat kebebasan melakukan sesuatu yang berguna mengikut kehendak dan pilihan mereka.
- (f) Menurut cara demokrasi, kanak-kanak diberi peluang mengalami beberapa keadaan termasuklah keadaan yang membebarkan kanak-kanak tersebut.

(ii) Cara otokrasi

Pendidikan secara orokrasi pula adalah pendidikan yang bertentangan dengan cara demokrasi, di mana ibubapa dan penjaga menguatkuasakan kuasa-kuasa mutlak yang ada pada seseorang ketua. Hubungan ibubapa atau penjaga adalah bersifat sehala. Ciri-ciri pemeliharaan anak-anak secara otokrasi adalah seperti berikut :

- (a) Kanak-kanak didapati tidak popular dengan kawan-kawannya. Mereka suka bertengkar, sensitif kepada cemuh dan pujian, mereka pula sering tidak bertimbang rasa.
- (b) Seringkali kanak-kanak ini didenda dan semakin keras denda yang mereka terima semakin cenderung kanak-kanak tersebut menunjukkan kedegilan dan sifat penentangan, samada dengan secara langsung atau tidak langsung. Keadaan ini boleh menimbulkan sifat yang negatif apabila mereka dewasa kelak.
- (c) Seringkali pula terdapat ibubapa atau penjaganya yang mematahkan kemahuan anak-anak yang mereka anggap tidak bersetujuan dari kacamata mereka. Ini akan mematikan sifat ingin mencuba, rasa ingin tahu dan sifat kreatif kanak-kanak.

(iii) Pendidikan bebas (Laissez-faire)


Ramai juga di antara ibubapa atau penjaga yang mengamalkan pendidikan secara bebas dengan menurut segala kemahuan kanak-kanak. Pendidikan secara ini bukanlah cara pendidikan sebenarnya. Pendidikan seperti ini menyebabkan kanak-kanak tidak dapat membezakan yang mana betul dan yang mana salah kerana mereka adalah terlalu bebas dan tidak mematahkan anasir-anasir yang tidak dikehendaki.

Berdasarkan kepada tiga cara sosialisasi ini, didapati bahawa cara demokrasi merupakan satu-satunya cara yang boleh membawa kejayaan pembentukan peribadi yang positif. Kita mendapati bahawa matlamat-matlamat sosialisasi yang berjaya adalah di mana setiap individu mempelajari peranan yang sesuai kepada suatu organisasi atau institusi tertentu. Samada di dalam keluarga sendiri atau di institusi kebajikan, jika individu berjaya mempelajari nilai dan norma ini, ia sudah melengkapkan dirinya sebagai seorang yang berfungsi dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, sosialisasi tidak selalunya berjaya. Bagi sesuatu sebab-sebab tertentu individu-individu mungkin mendapat susah untuk memperolehi rol-rol tertentu atau dia mungkin tidak ingin mempelajarinya. Oleh yang demikian, agensi dan agen sosialisasi seharusnya menjalankan perancangan yang terbaik sebelum sesuatu proses sosialisasi itu diteruskan agar ia tidak menemui kegagalan kelak.

LAMPIRAN A

LAKARAN PETA MENUNJUKKAN KEDUDUKAN RUMAH FAITH



Lampiran B - Bentuk soal-selidik

I KAJIAN KES BAPA MENINGGAL DUNIA

BIODATA

1. Nama : \_\_\_\_\_
2. Jantina : \_\_\_\_\_
3. Bangsa : \_\_\_\_\_
4. Umur pada masa masuk : \_\_\_\_\_  
Umur pada masa kini : \_\_\_\_\_  
Bilangan tahun di sini : \_\_\_\_\_
5. Tempat asal : \_\_\_\_\_
6. Jumlah anak dalam keluarga : \_\_\_\_\_
7. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_
8. Pekerjaan ibu : \_\_\_\_\_  
Pekerjaan bapa : \_\_\_\_\_
9. Bersekolah : \_\_\_\_\_ ( Ya / Tidak )  
Nama sekolah : \_\_\_\_\_  
Tingkatan/Darjah : \_\_\_\_\_
10. Cita-cita anda : \_\_\_\_\_

11. Sudah berapa lamakah bapa anda telah meninggal dunia ?  
\_\_\_\_\_

12. Semasa bapa anda meninggal dunia, berapakah umur anda ?  
\_\_\_\_\_

13. Bagaimanakah bapa anda meninggal dunia ?  
\_\_\_\_\_

14. Bagaimanakah perasaan anda semasa bapa anda telah meninggal ?  
\_\_\_\_\_

15. Bagaimanakah perasaan anda sekarang terhadap bapa anda yang telah meninggal ?  
\_\_\_\_\_

16. Siapakah yang menghantar anda ke sini ?

---

17. Mengapakah anda dihantar ke sini ?

---

18. Bagaimanakah perasaan anda pada masa mula-mula berada di sini ?

---

19. Bagaimanakah perasaan anda pada masa sekarang semasa anda berada di sini ?

---

20. Adakah anda lebih suka tinggal di rumah atau di sini ?

Mengapa anda suka tinggal di situ ?

---

---

9. Berjambatan : \_\_\_\_\_ ( Tujuan )

Nama sekolah : \_\_\_\_\_

Tingkatan/Tarikh : \_\_\_\_\_

10. Ciri-ciri anda : \_\_\_\_\_

11. Sesosong ibubapa anda dipercayai bertanggungjawab atas diri ?

---

12. Apakah kewajiban yang dilakukan oleh ibubapa anda ?

---

13. Apakah tukarwangi yang diberikan oleh ibubapa anda ?

---

14. Mengalihalkan perasaan anda terhadap ibubapa anda yang telah dilanjutkan ?

---

15. Sifat-sifat yang unik/berkesan anda ke rumah Faith V

---

16. Mengapakah anda disentuh ke sini ?

---

II KAJIAN KES IBUBAPA DI PENJARA

BIODATA

1. Nama : \_\_\_\_\_
2. Jantina : \_\_\_\_\_
3. Bangsa : \_\_\_\_\_
4. Umur pada masa masuk : \_\_\_\_\_  
Umur pada masa kini : \_\_\_\_\_  
Bilangan tahun di sini : \_\_\_\_\_
5. Tempat asal : \_\_\_\_\_
6. Jumlah anak dalam keluarga : \_\_\_\_\_
7. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_
8. Pekerjaan ibu : \_\_\_\_\_  
Pekerjaan bapa : \_\_\_\_\_
9. Bersekolah : \_\_\_\_\_ ( Ya / Tidak )  
Nama sekolah : \_\_\_\_\_  
Tingkatan/Darjah : \_\_\_\_\_
10. Cita-cita anda : \_\_\_\_\_
  
11. Semasa ibubapa anda dipenjarakan berapakah umur anda ?  
\_\_\_\_\_
  
12. Apakah kesalahan yang dilakukan oleh ibubapa anda ?  
\_\_\_\_\_
  
13. Apakah hukuman yang dikenakan ke atas mereka ?  
\_\_\_\_\_
  
14. Bagaimanakah perasaan anda terhadap ibubapa anda yang telah dipenjarakan ?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  
15. Siapakah yang menghantar anda ke Rumah Faith ?  
\_\_\_\_\_
  
16. Mengapakah anda dihantar ke sini ?  
\_\_\_\_\_

17. Bagaimakah perasaan anda pada masa mula-mula berada di sini ?

18. Bagaimakah perasaan anda pada masa sekarang semasa berada di sini ?

19. Adakah anda lebih suka tinggal di rumah atau di sini ?

Mengapakah anda suka tinggal di situ ?

1. Umur anda sekarang : \_\_\_\_\_

2. Bilangan tahun di sini : \_\_\_\_\_

3. Tempat asal : \_\_\_\_\_

4. Jumlah anak dalam keluarga : \_\_\_\_\_

5. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_

6. Pekerjaan ibu : \_\_\_\_\_

7. Pekerjaan bapa : \_\_\_\_\_

8. Bersekolah : \_\_\_\_\_ ( Ya / Tidak )

9. Nama sekolah : \_\_\_\_\_

10. Tingkatan/Darjah : \_\_\_\_\_

11. Gajah yang melakukan perdepan ke atas anda ?

12. Bagaimakah dia melakukannya ?

13. Berapa kerej perdepan ini dilakukan ?

14. Berapakah surau anda semasa penderaan pertama dilakukan ke atas anda ?

15. Apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku ?

16. Apakah tandanya ketika tujuh jelas kalibutan ?

17. Bagaimakah perasaan anda berhadap orang yang maturnya anda ?

**III KAJIAN KES PENDEREAAN**

**BIODATA**

1. Nama : \_\_\_\_\_
2. Jantina : \_\_\_\_\_
3. Bangsa : \_\_\_\_\_
4. Umur pada masa masuk : \_\_\_\_\_  
Umur pada masa kini : \_\_\_\_\_  
Bilangan tahun di sini : \_\_\_\_\_
5. Tempat asal : \_\_\_\_\_
6. Jumlah anak dalam keluarga : \_\_\_\_\_
7. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_
8. Pekerjaan ibu : \_\_\_\_\_  
Pekerjaan bapa : \_\_\_\_\_
9. Bersekolah : \_\_\_\_\_ ( Ya / Tidak )  
Nama sekolah : \_\_\_\_\_  
Tingkatan/Darjah : \_\_\_\_\_
10. Cita-cita anda : \_\_\_\_\_
  
11. Siapakah yang melakukan penderaan ke atas anda ?  
\_\_\_\_\_
  
12. Bagaimanakah dia melakukannya ?  
\_\_\_\_\_
  
13. Berapa kerap penderaan ini dilakukan ?  
\_\_\_\_\_
  
14. Berapakah umur anda semasa penderaan pertama dilakukan ke atas anda ?  
\_\_\_\_\_
  
15. Apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku ?  
\_\_\_\_\_
  
16. Apakah tanda-tanda kesan luka yang jelas kelihatan ?  
\_\_\_\_\_
  
17. Bagaimanakah perasaan anda terhadap orang yang mendera anda ?  
\_\_\_\_\_

18. Bagaimanakah anda ditemui atau dihubungi oleh Rumah Faith ?

---

19. Bagaimanakah perasaan anda pada masa mula-mula berada di sini ?

---

20. Bagaimanakah perasaan anda pada masa sekarang semasa berada di sini ?

21. Adakah anda lebih suka tinggal di rumah atau di sini ?

Mengapa anda suka tinggal di situ ?

---

5.

---

6. Dulu ada dalam keluarga : \_\_\_\_\_

7. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_

8. Pelajar Sdn. : \_\_\_\_\_

Pelajar kapa : \_\_\_\_\_

9. Bersekolah : \_\_\_\_\_ ( In \_\_\_\_\_ )

Nama sekolah : \_\_\_\_\_

Tingkatan/Durjah : \_\_\_\_\_

10. Cita-cita anda : \_\_\_\_\_

11. Seseset ibubapa anda berpindah tempat mana anda ?

---

12. Apakah sebab-sebabnya kerana dia berpindah ?

13. Bagaimanakah pengaruh anda terhadap ibubapa anda yang telah berpindah ?

14. Siapakah yang mengantar anda ke sini ?

15. Mengapa anda dibawakan ke sini ?

16. Siapakah di antara ibubapa yang mudah berkenan dengan anda di sini ?

17. Bagaimanakah perasaan anda pada masa mula-mula berada di sini ?

IV. KAJIAN KES IBUBAPA BERPISAH

BIODATA

1. Nama : \_\_\_\_\_
2. Jantina : \_\_\_\_\_
3. Bangsa : \_\_\_\_\_
4. Umur pada masa masuk : \_\_\_\_\_  
Umur pada masa kini : \_\_\_\_\_  
Bilangan tahun di sini : \_\_\_\_\_
5. Tempat asal : \_\_\_\_\_
6. Jumlah anak dalam keluarga : \_\_\_\_\_
7. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_
8. Pekerjaan ibu : \_\_\_\_\_  
Pekerjaan bapa : \_\_\_\_\_
9. Bersekolah : \_\_\_\_\_ ( Ya / Tidak )  
Nama sekolah : \_\_\_\_\_  
Tingkatan/Darjah : \_\_\_\_\_
10. Cita-cita anda : \_\_\_\_\_
  
11. Semasa ibubapa anda berpisah berapakah umur anda ?  
\_\_\_\_\_
  
12. Apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku ?  
\_\_\_\_\_
  
13. Bagaimanakah perasaan anda terhadap ibubapa anda yang telah berpisah ?  
\_\_\_\_\_
  
14. Siapakah yang menghantar anda ke sini ?  
\_\_\_\_\_
  
15. Mengapakah anda dihantar ke sini ?  
\_\_\_\_\_
  
16. Siapakah di antara ibubapa yang masih berhubung dengan anda di sini ?  
\_\_\_\_\_
  
17. Bagaimanakah perasaan anda pada masa mula-mula berada di sini ?  
\_\_\_\_\_

18. Bagaimanakah perasaan anda pada masa sekarang semasa berada di sini ?

BIODATA

19. Adakah anda lebih suka tinggal di rumah atau di sini ?

2. Mengapakah anda suka tinggal di situ ?

3. Nama : \_\_\_\_\_

4. Tempat lahir : \_\_\_\_\_

Bulan pada masa kini : \_\_\_\_\_

Tahun pada masa kini : \_\_\_\_\_

5. Tempat asal : \_\_\_\_\_

6. Jumlah anak dalam keluarga : \_\_\_\_\_

7. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_

8. Pelajaran ibu : \_\_\_\_\_

Pelajaran bapa : \_\_\_\_\_

9. Bersekolah : \_\_\_\_\_ (Tu / Ga)

Rumah sekarang : \_\_\_\_\_

Tingkatan/berjah : \_\_\_\_\_

10. Cita-cita anda : \_\_\_\_\_

11. Siapakah yang menganjurkan untuk buat kegiatan diri anda ?

12. Bagaimanakah persatuan ini dilakukan ?

13. Sejak kapan aktiviti ini berlaku ?

14. Apakah sebab-sebabnya percuba ini berlaku ?

15. Bagaimanakah anda dilihat oleh Rosh Faith ?

16. Bagaimanakah perasaan anda terhadap orang yang mengabalkan anda ?

17. Bagaimanakah perasaan anda pada masa pulang-pula berada di sini ?

V KAJIAN KES PENGABAIAAN

BIODATA

1. Nama : \_\_\_\_\_
2. Jantina : \_\_\_\_\_
3. Bangsa : \_\_\_\_\_
4. Umur pada masa masuk : \_\_\_\_\_  
Umur pada masa kini : \_\_\_\_\_  
Bilangan tahun di sini : \_\_\_\_\_
5. Tempat asal : \_\_\_\_\_
6. Jumlah anak dalam keluarga : \_\_\_\_\_
7. Anak ke berapa : \_\_\_\_\_
8. Pekerjaan ibu : \_\_\_\_\_  
Pekerjaan bapa : \_\_\_\_\_
9. Bersekolah : \_\_\_\_\_ (Ya / Tidak)  
Nama sekolah : \_\_\_\_\_  
Tingkatan/Darjah : \_\_\_\_\_
10. Cita-cita anda : \_\_\_\_\_
  
11. Siapakah yang melakukan pengabaian ke atas diri anda ?  
\_\_\_\_\_
  
12. Bagaimanakah pengabaian ini dilakukan ?  
\_\_\_\_\_
  
13. Sejak bila perkara ini berlaku ?  
\_\_\_\_\_
  
14. Apakah sebab-sebabnya perkara ini berlaku ?  
\_\_\_\_\_
  
15. Bagaimanakah anda dihubungi atau ditemui oleh Rumah Faith ?  
\_\_\_\_\_
  
16. Bagaimanakah perasaan anda terhadap orang yang mengabaikan anda ?  
\_\_\_\_\_
  
17. Bagaimanakah perasaan anda pada masa mula-mula berada di sini ?  
\_\_\_\_\_

18. Bagaimanakah perasaan anda pada masa sekarang semasa berada di sini ?

19. Adakah anda lebih suka tinggal di rumah atau di sini ? Mengapakah anda suka tinggal di situ ?

- Booth, Tony Socialization and Social Control, Tavistock & Co., London, 1968.
- Gleeson, John A. Socialization and Society, Little Brown & Co., 1968.
- Granition and Reissner Social Welfare : Institution and Process, Random House Inc., 1970.
- Jenkin, Norman E. Childhood Socialisation : Studies in the Development of Language, Social Behavior and Personality, San Francisco, Jossey-Bass Publishers, 1971.
- Friedlander, Walter Introduction to Sociology, University of California at Berkeley, Prentice Hall of India (Private) Ltd., 1963.
- Burd, Geoffrey Human Societies : An Introduction to Sociology, London and Boston, 1973.
- Jordan, Bill Freedom and the Welfare State, Department of Sociology, University of Exeter, Routledge & Kegan Paul, 1976.
- Kortens, Rainier Health Psychology and Physical Activity, University of Illinois, Harper & Row Publishers, 1975.
- No Grath, John B. Social Psychology : A Brief Introduction, University of Illinois, Holt Rinehart and Winston Inc., 1964.
- Raz, S. Robineddin The Process of Socialisation, New Delhi, Chetana Publication, 1976.
- Shiyam, N.D. Exploring Humanism : Childhood A Sociological Perspective, University of Keele, Neer Publishing Company Ltd.
- Quinn, James A. and Arthur Repler Living in the Social World, J.B. Lippincott Company.

Bibliografi

- Ahmad Mahdzan Ayob Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi : Suatu pengenalan  
Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985.
- Booth, Tony Growing Up in Society, Methuen & Co. Ltd., 1975.
- Clausen, John A. Socialization and Society, Little Brown & Co. 1968.
- Crampton and Keiser Social Welfare : Institution and Process, Random  
House Inc., 1970.
- Denzin, Norman K. Childhood Socialization : Studies in the Development  
of Language, Social Behavior and Identity, San Francisco,  
Jossey-Bass Publishers, 1977.
- Friedlander, Walter Introduction to Social Welfare, University of California  
at Berkeley, Prentice Hall of India (Private) Ltd., 1963.
- Hurd, Geoffrey Human Societies : An Introduction to Sociology, London  
and Boston, 1973.
- Jordan, Bill Freedom and the Welfare State, Department of Sociology,  
University of Exeter, Routledge & Kegan Paul, 1976.
- Martens, Rainer Social Psychology and Physical Activity, University of  
Illinois, Harper & Row Publishers, 1975.
- Mc Grath, Joseph E. Social Psychology : A Brief Introduction, University of  
Illinois, Holt Rinehart and Winston Inc., 1964.
- Raz, S. Mobinuddin The Process of Socialization, New Delhi, Chetana  
Publication, 1976.
- Shipman, M.D. Exploring Education : Childhood A Sociological Perspective,  
University of Keele, Neer Publishing Company Ltd.
- Quinn, James A. and Arthur Repke Living in the Social World, J.B. Lippincott Company.

Bibliografi

- Wan Azmi Ramli Masyarakat : Satu Kajian Ilmiah Dalam Kontek Kebajikan Am, Kuala Lumpur, Utusan Printcorp Sdn. Bhd., 1978.
- Wan Hashim, Kaedah Penyelidikan Sosial : Suatu rampaian eseai masalah kajian luar, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Inventra Print Sdn. Bhd., 1980.
- Ting Chew Peh, Shamsul Amri Baharuddin Socialization and Personality Development, Yale University, Addison-Wesley Publishing Co. Inc., 1973.
- Zigler, Edward and Irvin L. Child Training for Children and Youth In Selected Aspects, 1970.
- Socialization of Pre-College Children and Juvenile Delinquency, Prime Minister's Department, Kuala Lumpur 1973.

Bahan Bercetak Kerajaan

---

LONDON, Secretary of State for the Home Departments, the Minister of Health and the Minister of Education, to Parliament by Command of His Majesty, Report of the Care of Children Committee, Her Majesty's Stationery Office, September 1946.

MALAYSIA, Malaysian Centre for Development Studies, National Seminar on Planning for Children and Youth In National Development 1970, Socialization of Pre-School Children and National Unity, Prime Minister's Department, Kuala Lumpur 1973.